

Jilid III
Bil. 12



Hari Selasa
23hb Jun, 1981

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1389]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) [Ruangan 1438]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran)
Ruangan 1444]

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 1464]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 1476]

MALAYSIA
PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T.,
P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik)
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).

- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N., (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN *anak* TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 23hb Jun, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

KEGANASAN DI SEMPADAN
MALAYSIA—THAILAND

1. **Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah yang menimbulkan kejadian di kawasan sempadan di sebelah Thailand, yang mana rakyat Malaysia sering menjadi mangsa keganasan seperti yang berlaku ke atas Allahyarham Haji Samian dan keluarganya, dan bolehkah pihak Kerajaan Malaysia mendesak Kerajaan Thai melakukan sesuatu yang berkesan bagi membenteraskan keadaan keganasan yang berleluasa itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keganasan yang berlaku di kawasan sempadan di sebelah Thailand yang mana rakyat Malaysia menjadi mangsa, adalah berpunca daripada kejadian jenayah yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah Thai.

Kejadian-kejadian tersebut merupakan masalah dalam negeri Thailand dan dengan itu adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa Thailand sendiri mengambil sebarang langkah bagi mengatasi masalah tersebut. Walau bagaimanapun, kerjasama yang erat di antara pihak Polis kedua-dua buah negara terutama sekali di peringkat tempatan dalam masalah-masalah begitu tetap wujud.

Bagi mengelakkan kejadian-kejadian jenayah seperti ini dari berlaku lagi, usaha-usaha menasihatkan orang-orang awam telah dijalankan oleh pihak Polis kedua-dua buah negara supaya pelawat-pelawat ke kawasan itu lebih berhati-hati dan mengambil langkah-langkah keselamatan yang berpatutan apabila melancong dan sebagainya.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan kejadian pembunuhan yang selalu berlaku di sempadan Thailand dan selalu pula rakyat Malaysia menjadi korban, apa lagi seperti baru-baru ini korban yang betul-betul berlaku di mana sekeluarga teraniaya, saya rasa ada baiknya kita ingat semula yang kita sekarang dalam ASEAN, Thailand dan Malaysia adalah bersatu dalam ASEAN. Tetapi apabila rakyat di kedua-dua belah pihak macam ini menyeberangi tidak terjamin. Misalnya, saya tidak memperkatakan pula Thailand mesti menjamin 100% siapa juga yang masuk ke dalam Thailand tetapi saya suka menyebutkan dalam Dewan ini rakyat Thailand yang datang ke Malaysia belum seorang pun yang pernah terbunuh sebab kita jaga, Kerajaan Malaysia bertanggungjawab di atas hal-hal keamanan yang macam ini. Tetapi yang aneh sedikit, misalnya, orang yang membunuh macam itu dapat ditangkap, pada pendapat saya hukuman yang diterimanya tidak setimpal. Kalau mengikut keadilan dalam dunia orang yang membunuh mati mestilah dibunuh juga, cara bunuh terpulanglah kepada negeri masing-masing. Tetapi pada pendapat saya, katalah, baru-baru ini dapat ditangkap, mengikut apa yang saya tahu orang yang dapat ditangkap itu tidak dibunuh. Saya fikir sebagai tali persahabatan Malaysia dan Thailand haruslah dikaji supaya rakyat kedua-dua

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah

Kuala Lumpur/Pulau Pinang	58 penerbangan tiap-tiap minggu
Kuala Lumpur/Ipoh Pulau Pinang	7 penerbangan tiap-tiap minggu
Alor Setar/Pulau Pinang	3 penerbangan tiap-tiap minggu
Kota Bahru/Pulau Pinang	8 penerbangan tiap-tiap minggu
Haadyai/Pulau Pinang	5 penerbangan tiap-tiap minggu
Medan/Pulau Pinang	7 penerbangan tiap-tiap minggu
Singapura/Pulau Pinang	21 penerbangan tiap-tiap minggu
Jumlah Penerbangan seminggu ..	109

Jumlah penerbangan asing ke Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Singapore Airlines

Singapore/Pulau Pinang	14 penerbangan tiap-tiap minggu
--------------------------------	---------------------------------

Garuda

Medan/Pulau Pinang	7 penerbangan tiap-tiap minggu
----------------------------	--------------------------------

Thai Airways

Haadyai/Pulau Pinang	3 penerbangan tiap-tiap minggu
Phuket/Pulau Pinang	2 penerbangan tiap-tiap minggu

Thai International

Bangkok/Pulau Pinang	3 penerbangan tiap-tiap minggu
------------------------------	--------------------------------

Cathay Pacific Airways

Hong Kong/Pulau Pinang	3 penerbangan tiap-tiap minggu
Singapura/Pulau Pinang	2 penerbangan tiap-tiap minggu

Jumlah penerbangan seminggu ..	34
--------------------------------	----

Dato Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa banyak pesawat MAS yang digunakan oleh MAS untuk kegunaan di seluruh Malaysia ini khususnya di Semenanjung Malaysia. Kedua, adakah Yang Berhormat pasti bahawa ada masanya sampai beberapa jam passengers menunggu kapalterbang ini tidak tiba dan setengah-setengahnya menyatakan sama ada benar ataupun tidak, adakah satu pesawat kapalterbang itu digunakan dari satu tempat ke satu tempat dan ditukarkan nombor penerbangan itu sahaja?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis berkenaan dengan bilangan pesawat yang digunakan dalam sistem MAS sebab saya tidak mahu memberi Dewan yang mulia ini bilangan yang salah.

penerbangan MAS ke Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Berkenaan dengan masa dan delay yang mana penumpang-penumpang terpaksa menunggu, saya mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya memberi butir-butir tepat kepada Pengurus Besar MAS supaya tindakan dapat diambil. Pada keseluruhannya mutu perkhidmatan MAS adalah bertambah.

CUTI BERSALIN

5. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan ada cadangan untuk memanjangkan cuti bersalin dari 42 hari ke dua bulan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak meminda tempoh cuti

bersalin bagi pekerja sektor awam daripada 42 hari kepada 2 bulan kerana dengan adanya kemajuan sains perubatan dan kesihatan yang terdapat pada hari ini tempoh cuti bersalin selama 42 hari itu didapati sudah memadai.

Walaupun cuti bersalin dalam Perkhidmatan Awam hanyalah selama 42 hari, pekerja wanita dalam perkhidmatan awam boleh dengan sokongan doktor, memperolehi cuti sakit tambahan dari doktor itu jika Cuti Bersalin tidak mencukupi. Perintah Am membenarkan sebanyak 90 hari cuti sakit dalam setahun.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi cuti tanpa rekod kepada suami-suami isteri yang bersalin kerana saya rasa amat patut kerana perkahwinan itu sama-sama. Itu saya hendak bertanya sama ada pihak Kerajaan memberi cuti seminggu kerana dalam masalah ini kadangkala ada ketua-ketua jabatan yang cengil sedikit tidak mahu memberikan cuti kepada suami-suami dengan alasan isterinya bersalin yang mana kadangkala tidak ada orang gaji kalau gajinya tidak cukup dan anak-anak di rumah serta isterinya tidak ada orang hendak jaga. Adakah rancangan Kerajaan untuk memberi 3 hari ataupun seminggu?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum ada lagi. Walau bagaimanapun suami-suami seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada cuti biasa, jadi mereka bolehlah gunakan cuti biasa.

Puan Rahmah binti Othman: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan cuti hingga 90 hari. Adakah cuti itu boleh diminta daripada doktor Kerajaan yang boleh meluluskan supaya dia dapat cuti hingga 90 hari itu, daripada doktor Kerajaan ataupun doktor private ataupun kedua-duanya sekali.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, akuan itu bolehlah didapati daripada kedua-dua doktor private dan juga doktor Kerajaan.

KERETAPI—KEKURANGAN TEMPAT DUDUK

6. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa keretapi mel biasa sentiasa mengalami kekurangan tempat-tempat duduk dalam koc-kocnya sehingga terlalu ramai penumpang-penumpang yang terpaksa berdiri; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa seorang ibu yang membawa beberapa orang anak kecil terpaksa berdiri di sepanjang perjalanan dari Kuala Lumpur hingga ke Johor Bahru dengan kerana tidak cukup tempat duduk.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan No. 6 ialah Pentadbiran Keretapi sedar tentang kesesakan penumpang yang sering berlaku ke atas teren penumpang biasa dan sentiasa mengambil tindakan sewajarnya seperti menambah koc-koc baik di waktu-waktu biasa atau di waktu-waktu sesak untuk keperluan penumpang-penumpang. Bagi teren-teren penumpang siang dan malam, tiket-tiketnya dijual secara terbuka dan tempat-tempat duduk bagi Kelas Dua dan Kelas Tiga tidak bernombor. Bagaimanapun bila tempat-tempat duduk sudah penuh penumpang-penumpang yang membeli tiket akan diberitahu dan tiket-tiket hanya akan dijual jika mereka bersetuju berdiri. Bagi penumpang-penumpang yang telah membeli tiketnya dan ingin membatalkan perjalanan kerana tiada tempat duduk, permohonan untuk mengembalikkan tambang tiket boleh dibuat melalui Ketua Stesen yang bertugas.

Dalam usahanya mengatasi masalah kesesakan penumpang tersebut secara jangka panjang Keretapi Tanah Melayu sedang mengambil tindakan membeli lebih koc-koc. Pada masa ini KTM mengadakan 367 koc. Daripada bilangan ini 164 berumur lebih dari 30 tahun. Dalam Kelas Pertama KTM mengadakan koc sebanyak 31—16 lebih dari 25 tahun, 9 lebih dari 35 tahun, cuma 6 yang kurang dari 25 tahun.

Pada permulaannya oleh kerana sekatan kewangan Keretapi Tanah Melayu cuma memesankan 30 buah koc baru. Walau bagaimanapun, baru-baru ini oleh kerana Kerajaan sedia membantu KTM dari segi kewangan KTM sedang mengambil langkah memesan sebanyak 150 koc tambahan. Ini bermakna 180 koc telah dipesankan.

Kajian juga sedang dibuat untuk mengemaskini sistem penjualan tiket di semua stesen KTM termasuk melengkapkan beberapa stesyen utama dengan mesin tiket automatik.

Dr Choo Kooi Fook: Soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa memandangkan keretapi-keretapi sentiasa tiba dan bertolak tidak mengikut jadual, bolehkah atau tidak Menteri berkenaan meletakkan lebih bangku-bangku panjang di Platform 1 dan Platform 4 di stesyen keretapi Kuala Lumpur untuk menyenangkan penumpang-penumpang khususnya orang tua-tua terutamanya wanita, membolehkan mereka mempunyai tempat-tempat duduk apabila menunggu keretapi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat dan KTM tentu akan memberi pertimbangan berat.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengarahkan pegawai-pegawai supaya penjualan-penjualan tiket-tiket ini sesuai dengan bilangannya dengan koc-koc yang ada. Walaupun ada persetujuan daripada penumpang-penumpang seperti kata yang Berhormat tadi, tidak akan dibenarkan sama sekali penjualan tiket yang berlebihan, seperti dilakukan kepada kenderaan-kenderaan bas yang sekarang berjalan.

Kedua, apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya keselamatan penumpang-penumpang kita terjamin kerana seperti keadaan sekarang selalu benar berlaku datangnya lemparan batu dari

jendela seperti semalam pun berlaku juga kepada seorang wanita. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menukar alat-alat jendela yang tidak membahaya kepada penumpang-penumpang kita.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Keretapi Tanah Melayu sekarang dalam proses penyusunan semula atau proses reorganisasi secara besar-besaran, secara mendalam dan syor-syor seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah dalam analisa, dalam kajian dan tindakan KTM.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanyakan satu jaminan daripada Timbalan Menteri Pengangkutan, walaupun ada cadangan hendak membeli koc baru untuk menambahkan keselesaan penumpang-penumpang di masa akan datang, apakah jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam masalah rel keretapi yang tidak seimbang. Sekiranya koc itu baru rel keretapi ini sekejap-sekejap apa yang kita dengar terbalik di sana terbalik di sini. Apakah jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum dia membeli koc baru ini hendaklah diperbetulkan rel yang ada sekarang ini. Bolehkah atau tidak dibuat?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai dan kakitangan teknik keretapi sentiasa memeriksa keadaan teknik tren-tren dan sebagainya dan mereka tidak mengizinkan tren itu berjalan sekiranya keadaan tidak dianggap selamat.

PERUNTUKAN LLN NEGERI PAHANG DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

7. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa peruntukan bagi LLN negeri Pahang berjumlah \$70 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat memandangkan bahawa anggaran yang diminta berjumlah \$500 juta.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah agak mengelirukan. Saya tidak pasti daripada sumber mana Ahli Yang Berhormat mendapati maklumat-maklumat yang telah diberikan itu. Walau bagaimanapun, angka \$70 juta yang diperuntukkan bagi LLN untuk negeri Pahang adalah dimaksudkan bagi bekalan elektrik luar bandar dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Cadangan asal yang dikemukakan kepada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan rancangan bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Pahang ialah \$140 juta dan bukan \$500 juta seperti yang dinyatakan. Peruntukan sejumlah \$70 juta itu yang diluluskan merupakan 50% daripada cadangan asal dan angka ini adalah hampir sama dengan negeri-negeri lain yang masih ketinggalan di dalam bekalan elektrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada lebih \$800 juta yang telah dipohon daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan rancangan bekalan elektrik luar bandar di seluruh Malaysia, Kerajaan hanya dapat meluluskan sebanyak lebih kurang \$400 juta sahaja. Walaupun peruntukan yang telah diluluskan itu merupakan lebih kurang separuh daripada yang dipohonkan namun Kementerian Tenaga Telekom dan Pos telah mengarahkan LLN supaya menjadualkan pelaksanaan kesemua projek-projek yang telah diluluskan itu untuk disiapkan dengan seberapa segera bagi membolehkan peruntukan tambahan diperolehi dalam Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat supaya kesemua projek-projek yang dicadangkan pada mulanya dapat dilaksanakan sebelum tamatnya tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Saya berasa dukacitalah apabila Timbalan Menteri mengatakan soalan ini keliru dan di mana kami dapat peruntukan sebegitu banyak. Saya sukalah menerangkan di sini iaitu penjelasan di atas didapati daripada Jawatankuasa Tindakan Daerah Kuantan

yang mana saya adalah salah seorang Ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah, Kuantan.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu satu kepastian dari Kementrian yang berkenaan ini dalam masalah permohonan lampu-lampu jalan, khususnya di kampung-kampung yang pernah diminta beberapa tahun walhal peruntukan banyak sekali Kerajaan mencurahkan kepada Lembaga Letrik Negara tetapi sampai masa dan ketika tak dapat, talian semua cukup, oleh sebab kata pegawai-pegawai ada cabang tak ada mentol, ada mentol tak ada cabang, kadang-kadang tak ada tiang. Apakah sebab utama perkara itu berlaku. Adakah Lembaga Letrik Negara ini memberikan satu kontrak sahaja ataupun kontrak yang telah diberikan ini tidak dapat membekalkan yang melewati api yang diminta oleh orang kampung melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, biasanya mereka ini tertanyanya daripada satu masa ke satu masa.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan talian letrik yang dilalui oleh Lembaga Letrik Negara. Biasanya tidak dibayar apa-apa pampasan, hanya dibayar kepada rumah-rumah yang terlibat di dalam talian yang hendak dilakukan ataupun pokok-pokok kekal. Saya hendak tahu boleh atau tidak pihak Kementerian ini memberikan pampasan kepada tanah-tanah yang tidak ada kepada orang tertentu, orang kampung misalnya yang dilalukan sahaja percuma, cukai mereka ini bayar tetapi pampasan dari segi tanah untuk melakukan tidak ada bayaran langsung daripada Lembaga Letrik Negara. Boleh atau tidak pihak Kementerian untuk memberikan pembayaran seperti ini.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian atas kedua-dua soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya akan sampaikan kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

**MAJLIS KESELAMATAN
BANGSA-BANGSA BERSATU—
AHLI**

8. **Tuan M. Mahalingam** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta menteri Luar Negeri menyatakan sama ada sebarang cadangan telah dibuat untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (Security Council) memandangkan pergolakan dan ancaman keselamatan di rantau ini dan nyatakan juga sama ada beliau berpendapat yang Malaysia mungkin menjadi Ahli Majlis keselamatan itu pada satu masa nanti.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Malaysia tidaklah bercadang untuk menjadi ahli di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Kali terakhir Malaysia menjadi Ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ialah pada tahun 1965. Walau bagaimanapun, kita tidak mengeneppikan kemungkinan Malaysia untuk menjadi ahli Majlis Keselamatan pada masa-masa akan datang. Sebagaimana biasa diamalkan, negara-negara anggota ASEAN akan mengadakan rundingan mengenai persoalan perwakilan negara-negara ASEAN ke Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dengan mengambil kira prinsip bergilir bagi perwakilan dari rantau Asia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Filipina pada masa ini menjadi anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu selama 2 tahun sejak 1979. Keanggotaan Filipina sudah tentu akan memastikan kepentingan ASEAN. Walaupun Malaysia tidak menganggotai Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia sebagai negara anggota Bangsa-bangsa Bersatu boleh memohon untuk bercakap di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

**KUIL DI JALAN KELANG LAMA—
MEROBOHKAN**

9. **Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah kuil di Jalan

Kelang Lama berhampiran dengan Kompleks Volvo telah dirobuhkan oleh Dewan Bandaraya. Jika sedar, mengapa perkara ini berlaku dan apakah cadangan Kementerian beliau untuk mendirikan semula kuil itu di tempat yang sama atau di tempat lain.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pihak Dewan Bandaraya memang telah mengambil tindakan merobuhkan sebuah kuil di Jalan Kelang Lama yang berhampiran dengan Kompleks Volvo. Untuk makluman Yang Berhormat kuil berkenaan adalah terletak di atas tanah Kerajaan yang terlibat dengan projek pembinaan rumah pangsa di kawasan Kampung Abdullah Hukum yang sedang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya.

Sebelum tindakan merobuhkan kuil diambil pihak Dewan Bandaraya telah mengeluarkan dua notis kepada pihak Berkuasa Kuil meminta supaya kuil tersebut dirobuhkan. Notis pertama telah dikeluarkan pada 2hb Ogos, 1979 dengan memberikan tempoh selama 60 hari. Sebarang tindakan telah tidak diambil oleh pihak Berkuasa Kuil. Notis kedua pula telah dikeluarkan pada 30hb April, 1980 dengan membrikan tempoh selama 14 hari. Bagaimanapun pihak Berkuasa Kuil masih juga tidak mengikut arahan yang diberikan.

Tindakan merobuhkan kuil berkenaan telah diambil oleh pihak Dewan Bandaraya hanya pada 21hb April, 1981 iaitu kira-kira 21 bulan selepas notis pertama dikeluarkan. Buat masa ini Kerajaan belum ada sebarang rancangan untuk mendirikan semula kuil sama ada baik di tempat asal ataupun di satu kawasan lain.

Dato' Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Saya tak hendak mempersoalkan dalam masalah kuil. Ini masalah pekerja pekerja membina bangunan yang tinggi-tinggi, biasanya mereka buatkan tempat sembahyang sebelum mereka naikkan bangunan itu, macam orang Cina ada tokong di situ dan sekarang di mana ada bangunan tinggi kita tengok ada satu tempat untuk itu. Ini akan menjadikan satu masalah yang besar oleh sebab negara kita ini berbilang ugama dan berbilang keturunan. Kalau sekiranya

tidak diizinkan semata-mata mereka hendak mendirikan rumah tinggi kemudian buat sembahyang tokong di situ, kemudian masalah itu akan timbul. Adakah jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri membenarkan perkara ini berlaku sewenang-wenangnya, terutama dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Masalah tokong Cina atau sebelum mereka menaikkan bangunan yang tinggi-tinggi dipasang "datuknya" untuk disembahyang minta selamat, kemudian ditiadakan setelah bangunan itu berdiri, kemudian tidak dirobohkan, jadi tempat itu dijadikan pula tempat sembahyang. Apa pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam masalah ini.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi pendapat dalam hal itu tetapi untuk menjawab soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah kuil-kuil yang kecil-kecil ini sebenarnya dibina di tempat tapak di mana bangunan-bangunan tinggi hendak diadakan, ini khususnya untuk digunakan oleh pekerja-pekerja dan bangunan-bangunan seumpama ini dirobohkan selepas daripada bangunan yang hendak didirikan itu telah selesai siap. Ertinya tiada sebarang bangunan di luar daripada apa yang telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya dibenarkan dibina dalam kawasan tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, masalah kuil, masalah agama adalah sensitif, baik Cina, baik Melayu, baik India, semuanya sensitif. Saya hendak bertanya dalam negara kita ini selalu kita berjalan-jalan di tepi jalanraya orang mendirikan tokong, di jalanraya mendirikan persembahan-persembahan kuil. Adakah mereka ini dapat kebenaran daripada Kerajaan mana-mana negeri Kerajaan yang bersabit ataupun memang dalam Perlembagaan kita membenarkan sewenang-wenangnya apa juga agama hendak buat dalam negeri ini boleh. Pada pendapat saya sampailah masanya kita kaji semula hal-hal yang begini dalam tanahair kita kerana terlalu banyak dan pernah terjadi dalam tanahair kita orang rosakkan tokong ataupun tempat sembahyang, ini merbahaya sekali. Walau apa agama pun kita tidak suka

dirosakkan tetapi peraturan negara kita mesti diikuti, Perlembagaan negara kita, Rukunegara kita mesti diikuti sungguh-sungguh mengapa pula ada sewenang-wenangnya membuat dengan tidak ada mengikut peraturan walaupun agama, kemudian apabila satu-satu berlaku menjadi satu sensitif yang bahaya. Memang ini bahaya saya katakan. Kalau agama Islam orang nodai tempat agama memang mereka tahan mati. Saya hendak bercakap terus terang dalam bahagian ini. Sebab itu macam yang berlaku di Pulau Pinang memburukkan agama kita tidak rela, apa lagi agama rasmi kita agama Islam. Kalau tidak rasmi pun agama Islam tidak rela orang membuat satu penghinaan kepada agama tetapi saya suka Menteri yang berkenaan membuat analisa balik, siapa juga hendak mendirikan tempat-tempat agama macam ini mestilah diselaraskan dengan peraturan Perlembagaan Negara kita ini, yakni mengikut undang-undang, minta dahulu kebenaran daripada Kerajaan-kerajaan yang berkenaan, jangan buat sewenang-wenang. Saya tahu ada yang buat mengikut sesuka hatinya dia terus buat, jadi ini membahayakannya.

Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pengakuan perkara mendirikan kuil, tokong atau lain-lain dalam masa ke hadapan tidak lagi boleh dibuat sewenang-wenang tetapi mesti mendapat kebenaran hitam putih daripada Kerajaan yang bersabit.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tiada sebarang bangunan bukan sahaja kuil yang boleh didirikan dengan sewenang-wenangnya di mana sahaja yang difikirkan sesuai mengikut cita dan selera maka bangunan itu boleh didirikan, tidak begitu. Kita ada undang-undang dan undang-undang ini tidak semestinya dilanggarkan.

Berhubung dengan keadaan kuil-kuil atau tempat-tempat sembahyang yang didirikan di merata tempat di dalam Wilayah Persekutuan ini, Kerajaan memang menyedari tentang sensitifnya tempat-tempat itu terutama apabila satu-satu tindakan mesti diambil untuk merobohkannya. Dan dalam hali ini pihak Dewan Bandaraya sangat berhati-hati supaya tindakan yang diambil itu tidak akan

mengakibatkan reaksi-reaksi daripada sesuatu penganut agama yang tidak diingini dan biasanya dalam hal ini di mana sesuatu kuil itu perlu diubahkan untuk membolehkan pembangunan dijalankan, umpamanya kita hendak mengadakan jalanraya ataupun bangunan tertentu, biasanya kita mengambil masa yang begitu panjang berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Jadi dengan kerana itu pihak Kementerian Wilayah Persekutuan memang ada sebuah Jawatankuasa yang mengkaji perkara ini dan monitor kegiatan-kegiatan seumpama ini supaya apa-apa tindakan yang akan diambil nanti tidak akan membawa kepada satu keadaan yang mencemaskan, yang merbahaya kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan ini.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan rumah-rumah ibadat sama ada rumah ibadat itu Islam ataupun yang bukan Islam sebagaimana yang disuarakan, misalnya rumah-rumah ibadat Islam seperti masjid dan surau, memang tiap-tiap negeri ada mempunyai undang-undang. Kalau sekiranya orang-orang Islam mendirikan masjid ataupun surau dengan tidak ada kebenaran daripada Kerajaan maka bukan sahaja dia menjadi salah tetapi rumah ibadat itu boleh dirobohkan, boleh dimusnahkan itu mengikut undang-undang.

Tetapi berkenaan dengan rumah ibadat yang lain daripada Islam, itulah yang menjadi persoalan ini sebagaimana yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat saudara saya tadi, nampaknya dengan senang sahaja orang boleh mendirikan di mana-mana ada bangunan yang hendak didirikan bangunan yang besar, di situ didirikan rumah ibadat sama ada oleh orang-orang China ataupun orang India dan sebagainya. Jadi tidak adakah undang-undang sebagaimana yang dibuat kepada orang-orang Islam tadi, tiap-tiap rumah ibadat yang hendak didirikan itu mestilah dengan kebenaran. Tanpa kebenaran menjadi salah bukan sahaja orang itu mesti didakwa tetapi rumah ibadat itu mesti diruntuhkan. Tidakkah boleh begitu?

Adapun hendak menjaga rumah ibadat itu, kalau rumah ibadat sudah mendapat kebenaran adalah menjadi tugas Kerajaan mesti menjaganya. Kalau rumah ibadat itu dibuat secara haram tanpa kebenaran maka bukan sahaja iaitu tidak patut dijaga, tetapi mesti dirobohkan. Jadi itu satu persoalan — aniaya kepada orang-orang Islam di negeri ini kalau macam ini gayanya. Orang-orang Islam hendak mendirikan masjid atau surau, mesti kena mendapat kebenaran daripada Pejabat-pejabat Ugama ataupun kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, kalau tidak, dia akan dikenakan denda, kena penjara, rumah ibadat itu akan diruntuhkan ataupun dirobohkan. Tetapi kepada bangsa-bangsa lain tidak. Bagaimana boleh jadi begini?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu bagaimana boleh jadi. (*Ketawa*) Apa yang saya tahu cuma ada terdapat di merata-merata tempat kuil-kuil yang tidak sepatutnya dibina ertinya telah dibina tanpa kebenaran. Kita memang menyedari bahawasanya setiap bangunan yang dibina tanpa kebenaran itu mesti dirobohkan dengan serta-merta tetapi dalam hal yang berhubung dengan kuil ini kita mestilah berhati-hati. Ini tidak bermakna bahawasanya pihak berkuasa dalam Wilayah Persekutuan ini terus membenarkan kuil-kuil itu dalam keadaan yang telah dibina tanpa kebenaran. Cuma tindakan dalam perkara ini mestilah dibuat berhati-hati dan dirunding dengan pihak-pihak yang berkenaan yang telah membina kuil-kuil itu.

Saya suka peringatkan di sini bahawasanya bangunan jenis apa atau dalam bentuk apa sekalipun tidak boleh didirikan tanpa kebenaran, dan reka bentuk bangunan itu pun mesti mendapat kelulusan akitek Dewan Bandaraya. Ini adalah melibatkan juga pembinaan kuil-kuil. Yang menjadi masalahnya ialah bangunan-bangunan haram yang didirikan tanpa kebenaran.

ASEAN—PERMOHONAN SRI LANKA

10. Tuan S.I. Rajah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Sri Lanka telah membuat permohonan rasmi menjadi ahli ASEAN; dan

(b) hasil perbincangan dari lawatan Perdana Menteri Sri Lanka baharu ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:
Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan Sri Lanka telah membuat permohonan rasmi bagi menjadi anggota ASEAN. Soal ini sedang dikaji oleh Pegawai-pegawai Kanan (Senior Officers Meeting)(SOM) ASEAN. Laporan Kajian ini akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang akan datang.

(b) Perdana Menteri Sri Lanka, Tuan Yang Terutama R. Premadasa telahpun melakukan lawatan rasmi ke Malaysia pada 7hb hingga 12hb Mei. Dalam lawatan tersebut beliau telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn, Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri yang lain.

Perbincangan-perbincangan tersebut menyentuh tentang soal-soal perkembangan politik, ekonomi dan perlembagaan di Sri Lanka dan juga Malaysia. Soal Kerjasama dua hala antara Malaysia dan Sri Lanka serta cara-cara kerjasama ini dapat dipertingkatkan lagi juga telahpun dibangkitkan. Pada khususnya, kedua-dua buah negara bersetuju menandatangani satu Perjanjian Kebudayaan dan Perjanjian Jaminan Pelaburan (Investment Guarantee Agreement) untuk mempertingkatkan lagi kerjasama dua hala.

Dalam bidang perdagangan, kedua-dua negara bersetuju mencari jalan bagi memperhebatkan lagi perdagangan dan akan berusaha mengurangkan imbalan dagangan yang mana selama ini menguntungkan pihak Malaysia.

Dalam bidang Penerbangan Awam, Malaysia bersetuju menimbangkan permohonan Sri Lanka untuk menambah penerbangan Air Lanka ke Malaysia.

Semasa perbincangan-perbincangan tersebut, kedua-dua pihak telah merakamkan rasa puas hati di atas kerjasama antara kedua-dua negara di Persidangan Negara-negara Berkecuali terutama sekali, juga dengan negara-negara lain bagi menegakkan prinsip-prinsip berkecuali yang tulen.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Kalau kita membuat penelitian di akhir-akhir ini ada negeri-negeri dalam Tenggara Asia ataupun bahagian-bahagian di dunia sebelah sini seperti yang dikatakan oleh orang-orang sekarang ini, dalam akhir-akhir ini barulah timbul Sri Lanka hendak masuk, Brunei hendak masuk jadi anggota ASEAN. Bagi kita itu memanglah bagus mereka ini hendak masuk. Tetapi sudahkah diperhatikan semasa kita hendak membentuk ASEAN ini dahulu bahawa map dalam ASEAN ini termasuk Sri Lanka, Burma, Korea, Kampuchea, Vietnam; bukankah negeri-negeri ini serantau dalam ASEAN. Jadi saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri Luar kita, adakah semenjak mula kita menaja ASEAN ini dahulu semua negara yang dalam rantau ASEAN ini seperti yang saya sebutkan tadi ada kita jemput. Sebab mengikut ilmu alam, laut dan alam sekelilingnya adalah satu dalam ASEAN sendiri. Adakah mereka itu dahulu dipanggil sama-sama untuk menyertai ASEAN ataupun adakah pada mula ditubuhkan untuk hanya lima serangkai—Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina dan Thailand sahaja misalnya, itu satu. Adakah mereka dipanggil masa itu? Sebab saya ada timbal baliknya, kalau masa asas kita hendak buat dahulu kita panggil, mereka tidak sudi ataupun jual mahal, barangkali diingatkan lima negara ASEAN ini sebagai permulaan permainan sahaja tetapi keadaannya pada masa sekarang ini tengok ASEAN bersungguh-sungguh menjadikan lima serangkai, kukuh, kuat dan bersatupadu, baru mereka ini hendak masuk.

Yang kedua, dalam rangka jangka panjang, katalah dalam masa 20 tahun akan datang, banyak orang meramalkan bahawa dalam masa 20 tahun lagi barangkali Malaysia menjadi komunis, dihentam oleh komunis, ada juga. Tetapi hendak mengakui dalam Dewan ini komunis tidak akan boleh menakluk Malaysia selagi bangsa bumiputra yang beragama Islam bertahan hingga titisan darah yang penghabisan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, maaf saya, saya hendak bertanya, bolehkah dalam jangka panjang, bukan jangka pendek, katalah 25 tahun — suku abad akan datang seluruh negara ASEAN ini akan bersatu. Saya tidak mahu bersatu

sebagaimana Deklerasi Bandung, seluruh negara Asia dan Afrika menganggotainya, tetapi telah mati tidak ada kuburnya. Tetapi yang saya mahu ASEAN tetap bangun selama-lamanya.

Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri luar, adakah dalam masa suku abad yang akan datang seluruh negeri yang terdapat di dalam peta ilmu alam Tenggara Asia ini akan bersatu menjadi satu negara yang berkecuali, kukuh, tabah dan tetap hidup dalam dunia ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya suka kerana pertanyaan yang Berhormat yang pertama tadi banyak, jadi kalau saya jawab cara prinsip kriterianya mungkin saya rasa pertanyaan Yang Berhormat itu dapat dijawab semua. Oleh sebab banyak negara kemudian-kemudian ini — saya menggunakan istilah Yang Berhormat juga — ingin hendak masuk ASEAN, maka kemudian-kemudian ini juga Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN telahpun mengarahkan pegawai-pegawai kanan ASEAN mengkaji, pertama kemasukan Sri Lanka, yang kedua mengkaji apakah kriteria yang perlu diadakan sebagai asas untuk memberikan status pemerhati (observer status) kepada orang-orang yang ingin untuk menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN yang akan datang. Mengkaji juga kriteria asas apa yang patut diberi kepada status yang lain seperti tetamu (guest status). Dalam konsep inilah juga apabila pihak pegawai-pegawai kanan ini mengkaji akan juga menimbang apa Yang Berhormat katakan tadi iaitu adakah hendak menguatkan ASEAN dahulu dengan ahli-ahli yang ada sekarang ini atau hanya menguatkan ASEAN ini dengan menambah semata-mata kepada negara-negara yang di dalam Asia Tenggara ini sahaja, itu juga akan dipertimbangkan.

Soal yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak dapat hendak mengatakan apakah akan jadi kepada 25 tahun yang akan datang — atau suku abad yang akan datang, adakah negara-negara yang ada dalam Asia Tenggara ini yang belum menjadi ahli ASEAN akan menjadi ahli dan menjadi satu negara yang

teguh, bersatu dan bekerjasama seperti yang dikehendaki oleh kita semua. Ini saya tidak dapat jawab kerana ini akan dipertimbangkan dan cara-caranya pun adalah tertakluk kepada negara yang hendak memohon masuk ASEAN. Apabila satu-satu negara itu memohon masuk ASEAN maka negara-negara ASEAN inilah akan menimbang permohonan ini.

Dengan jawapan itu saya rasa dapat memberikan pandangan sedikit sebanyak kepada pertanyaan-pertanyaan yang dibuat oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 37 adalah diberi di bawah ini.)

BANGUNAN PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN

11. Puan Rahmah binti Othman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan dapat memberikan satu tapak kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan untuk mendirikan bangunannya sendiri yang boleh menempatkan pejabat-pejabatnya dan menjadi lambang kebangsaan negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Pada waktu ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan sedang menyewa ruang bagi Ibu Pejabatnya. Kerajaan belum lagi membuat pertimbangan bagi mengadakan satu tapak dan mendirikan bangunan bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan.

PERTUBUHAN SUKARELAWAN SEBERANG LAUT JEPUN (JOVC)

12. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa Pertubuhan Sukarelawan Seberang Laut Jepun (JOVC) telah menyumbangkan alat untuk penggunaan tenaga suria kepada Politeknik Ungku Omar dan jika ya, nyatakan sama ada bantuan ini diberi melalui Kementerian Pelajaran sendiri.

Dato Chan Siang Sun: Adalah benar bahawa Pertubuhan Sukarelawan Seberang Laut Jepun (JOVC) telah menyumbangkan alat untuk penggunaan tenaga suria kepada Politeknik Ungku Omar. Alat ini yang telah didapati sesuai sebagai alat pengajaran dalam Kursus Penyamanan Udara dan Penyejukan telah diminta oleh Pengetua, Politeknik Ungku Omar daripada pihak JOVC dan permintaan tersebut adalah dengan persetujuan Kementerian Pelajaran. Alat tersebut telah dipasang oleh seorang sukarelawan JOVC bersama-sama dengan kakitangan tempatan Politeknik Ungku Omar.

PERLAWANAN BOLA SEPAK MALAYSIA—KUWAIT

13. Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Beliau sedar bahawa orang ramai merasa kecewa dengan mutu permainan Malaysia semasa perlawanan bola sepak di Kuwait dan jika sedar menyatakan tindakan beliau akan ambil supaya mutu permainan Malaysia akan bertambah baik lagi.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Mokhtar bin Haji Hashim): Ya, reaksi-reaksi daripada orang ramai menunjukkan mereka kecewa dengan permainan pasukan bolasepak Malaysia di Kuwait.

Kementerian saya akan terus bekerjasama dengan Persatuan Bolasepak Malaysia dalam usaha meninggikan lagi mutu permainan bolasepak di negara ini. Di samping itu, Kementerian juga akan meningkatkan rancangan-rancangan penggalakan dan pemajuannya dalam bidang bolasepak.

HARGA PASARAN TIN

14. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab mengapa cadangan penimbal tin tidak bertindak untuk menahan kemerosotan harga pasaran tin baru-baru ini, walhal harga pasaran telah jatuh ke dalam garisan yang mana pengurusnya mesti membeli.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Tindakan yang boleh diambil oleh Pengurus Stok Penimbal adalah

tertakluk kepada peruntukan mengenai operasi stok Penimbal dalam Perjanjian Timah Antarabangsa. Apabila harga timah berada di paras sektor rendah di antara harga siling dan harga lantai, Pengurus Stok Penimbal boleh mengambil tindakan dengan membeli di pasaran-pasaran tertentu. Dalam hal ini semasa harga timah berada di paras sektor rendah di pasaran Pulau Pinang, Pengurus Stok Penimbal dilaporkan telah membeli timah yang bertujuan menahan kemerosotan harga timah. Walau bagaimanapun, operasi stok penimbal adalah dijalankan dengan cara rahsia dan tidaklah diketahui sebanyak mana telah dibeli oleh Pengurus. Setakat ini harga timah masih belum sampai ke paras sama atau kurang daripada harga lantai iaitu \$27.28 sen sekilogram di mana Pengurus Stok penimbal adalah dimestikan membeli.

HOSPITAL-HOSPITAL DI SABAH— PROJEK

15. Tuan Haji Azlan Kinjawan minta Menteri Kesihatan menyatakan jadual lawatan rasmi Menteriannya ke Hospital-hospital di Sabah dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk meninjau dan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kementerian Kesihatan di negeri itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya memang biasa melawat Negeri-negeri di negara kita ini dari masa kesemasa bagi melihat kemajuan projek-projek dan rancangan-rancangan Kementerian Kesihatan dan jua untuk membincangkan masalah-masalah dengan kakitangan-kakitangan Kementerian. Pegawai-pegawai Kementerian pun melawat Negeri-negeri ini dari masa kesemasa untuk tugas-tugas dan tanggungjawab mereka masing-masing. Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Negeri Sabah adalah termasuk dalam rancangan lawatan-lawatan ini. Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa pada awal tahun ini bekas Timbalan Menteri Kesihatan kita dan Setiausaha Parlimen telah pergi ke Sabah. Begitu jua dengan pegawai-pegawai Kementerian yang lain. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan yang baru akan melawat Sabah pada bulan Ogos, tahun ini dan saya sendiri bercadang berbuat demikian pada masa yang sesuai kelak.

Masalah-masalah kesihatan di Sabah dan di negeri-negeri lain adalah sedia dimaklumi oleh Kementerian Kesihatan kerana adanya perhubungan-perhubungan yang rapat ini. Pengarah-pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri-negeri, termasuk Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah, seringkali berhubung dengan Kementerian bagi memastikan aktiviti-aktiviti deselaraskan dan masalah-masalah diatasi sedapat yang mungkin.

PELANCONG-PELANCONG KE PULAU PINANG

16. Dato' Yap Peng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih ramai lagi pelancong-pelancong yang telah pergi ke Pulau Pinang dulu daripada sekarang dan jika sedar sama ada beliau akan mengkaji semula kedudukan taraf Pelabuhan Bebas Pulau Pinang untuk menggalakkan bukan sahaja pelancong-pelancong luar negeri tetapi juga menggalakkan rakyat-rakyat Malaysia membeli belah di negeri sendiri dan tidak membeli belah di negeri jiran.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Saya tidak sedar bahawa pelancong-pelancong daripada luar negeri ke Pulau Pinang telah berkurangan. Mengikut angka-angka yang disediakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, bilangan pelancong ke Pulau Pinang telah meningkat. Misalnya dalam tahun 1976, bilangan pelancong yang datang ke Pulau Pinang melalui udara dan laut ialah 95,505 orang. Dalam tahun 1980 bilangan ini telah meningkat ke 200,927.

BIASISWA PELAJARAN MARA— KADAR

17. Puan Hasnah binti Mohd. Kassim meminta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah tambahan biasiswa kepada penuntut-penuntut yang dibiayai oleh MARA itu telah dilaksanakan, kalau telah dilaksanakan, berapa kadar tambahan tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kadar biasiswa dan pinjaman pelajaran MARA adalah selaras dengan

kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Berpandukan kepada kadar baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan, MARA telah membayar elaun-elaun tunggakan dan tambahan berkuatkuasa mulai 1hb. November 1980. Tambahan kepada kadar baru adalah berbeza-beza mengikut negara atau tempat pengajian seperti berikut:

Negara	Peringkat Pengajian	% Kenaikan	
1. <i>Australia</i>	Pra-Universiti	19.6%	
	Undergraduate	32.6%	
2. <i>Amerika Syarikat</i> New York Massachusetts Rode Island Washington D.C. California Hawaii	Pra-Universiti	20%	
	Undergraduate	29%	
	Post Graduate	21.2%	
	Lain-lain tempat di USA	Pra-Universiti	29%
		Undergraduate	29%
		Post Graduate	20%
3. <i>Indonesia</i> Jakarta	Undergraduate	29.1%	
	Post Graduate	38%	
Lain-lain tempat di Indonesia	Undergraduate	28.8%	
	Post Graduate	37.6%	
4. <i>United Kingdom</i>	Pra-Universiti	6%	
	Undergraduate	7.5%	
	Post Graduate	15%	
5. <i>New Zealand</i>	Undergraduate	108.8%	
	Post Graduate	140.0%	

PAKAIAN SERAGAM PASUKAN PANCARAGAM SEKOLAH

18. Puan Rogayah Ariff minta Menteri pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini bercadang membuat perubahan atas pakaian seragam kesemua pancaragam sekolah pada masa akan datang yang akan melambangkan kebudayaan Malaysia.

Dato Chan Siang Sun: Bagi menjawab soalan ini, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran buat masa ini belum lagi bercadang untuk membuat sebarang perubahan ke atas pakaian seragam ahli-ahli pasukan pancaragam sekolah. Walau bagaimanapun dalam pertandingan pancaragam antara negeri-negeri, syarat

telah menetapkan supaya ahli-ahli pancaragam menggunakan pakaian seragam mengikut lunas-lunas Rukunegara.

BEKALAN AIR LEMBAH KELANG

19. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada Kementeriannya telah membuat kajian tentang keperluan-keperluan jangka panjang untuk bekalan air dalam Lembah Kelang memandangkan proses pembangunan yang pesat dalam kawasan ini, khasnya dengan pembangunan perindustrian dan pusat-pusat pembangunan baru seperti estet-estet perumahan. Jika satu kajian telah dibuat sila nyatakan rancangan-rancangan untuk memenuhi permintaan-permintaan yang semakin bertambah untuk mengurangkan masalah-masalah air. Jika tidak, bila kajian seperti ini akan dibuat.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Pertanyaan-pertanyaan berhubung dengan perkara ini sudah berkali-kali saya menjawab di Dewan yang mulia ini. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kajian tentang keperluan-keperluan bekalan air untuk jangka panjang di Lembah Kelang telahpun dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor mulai pada bulan September 1978 dan disiapkan pada bulan Oktober 1979. Kajian ini adalah bertujuan untuk mencari sumber-sumber air baru bagi memenuhi keperluan bekalan air selaras dengan proses pembangunan, perindustrian dan perumahan di sekitar Lembah Kelang. Hasil daripada kajian itu, tiga rancangan bekalan air telahpun dirangka untuk memenuhi keperluan kawasan tersebut sehingga tahun 1955 seperti berikut:

- (i) Projek pertama ialah rancangan bekalan air Sungai Batu yang berharga \$42 juta dengan keupayaan membekal sebanyak 25 juta gelen air sehari. Setelah siap kelak projek ini dijangka akan dapat membekalkan air di kawasan-kawasan utara Kuala Lumpur termasuk Selayang, Kampung Batu, Jinjang dan Kepong. Pada masa sekarang hampir 20% kerja-kerja telahpun disiapkan dan

dijangka akan siap sepenuhnya pada awal tahun 1983.

- (ii) Projek kedua ialah rancangan bekalan air Sungai Semenyih yang berharga \$386 juta dengan keupayaan membekal sebanyak 120 juta gelen air sehari. Pada masa sekarang hampir 30% kerja-kerja Rekabentuk telah disiapkan dan projek ini dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada bulan Februari 1986. Projek tersebut akan dapat membekalkan air ke kawasan-kawasan Lembah Kelang, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Kelang.
- (iii) Projek ketiga ialah rancangan bekalan air Sungai Selangor yang dijangka dapat membekalkan 120 juta gelen air sehari ke kawasan Lembah Kelang bagi memenuhi keperluan bekalan air sehingga tahun 1995.

PELUANG PEKERJAAN DI SEKTOR SWASTA

20. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan memandangkan kepada kenyataan yang tersebut dalam Rancangan Malaysia Keempat bahawa kadar kemiskinan di kalangan kaum India ialah 27.3%, sama ada pihak Kementerian dapat menyediakan lebih peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor swasta bagi mengatasi kejurganan ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Richard Ho Ung Hun): Kerajaan sedar bahawa mengikut Buku Rancangan Malaysia Keempat kadar kemiskinan di kalangan kaum India adalah 27.3%. Akan tetapi kemiskinan bukan terdapat di kalangan kaum India sahaja malahan kaum-kaum lain. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar kemiskinan di kalangan orang-orang Melayu ialah 46.4% berbanding dengan orang Cina sebanyak 17.4%. Oleh yang demikian matlamat untuk mengatasi jurang kemiskinan ini tidaklah tertumpu kepada satu-satu kaum yang tertentu, malahan meliputi semua penduduk keseluruhannya tanpa mengira kaum, dengan tujuan untuk menyusun semula masyarakat sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru,

menyediakan peluang-peluang pekerjaan adalah merupakan salah satu langkah ke arah untuk mengatasi jurang ini. Dalam Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan berharap dapat mengujudkan sebanyak 860,000 pekerjaan baru yang mana sebahagian besar darinya akan diwujudkan oleh Sektor Swasta seperti sektor pembuatan yang dijangka akan dapat mengujudkan 267,000 pekerjaan baru atau 31% dari jumlah pekerjaan baru.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

21. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bagaimana beliau bercadang hendak mencapai jumlah unit-unit rumah di bawah Rancangan Malaysia Keempat memandangkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga hanya dapat mencapai 50% dari jumlah bilangan yang dicadangkan; dan
- (b) dapatkah Rancangan Malaysia Keempat mengatasi masalah yang dihadapi oleh Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya menyedari bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak sampai 50% rumah awam kos rendah yang telah dirancang itu dapat disiapkan. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa masalah pelaksanaan yang dihadapi. Berdasarkan masalah ini, Kementerian saya telah merangka dan melaksanakan strateji baru di peringkat pusat dan negeri.

Bagi mencapai matlamat sasaran rumah di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini, Kementerian saya telah merangka strateji-strateji baru untuk dilaksanakan iaitu seperti berikut:

- (i) Kerajaan akan melaksanakan skim perumahan kos rendah berdasarkan kepada konsep kondominium dengan tujuan untuk menggunakan tanah secara optima dan meninggikan mutu kehidupan penghuni-penghuni.

- (ii) Menambah jumlah tabung pusingan dari \$5 juta kepada \$20 juta untuk setiap Kerajaan Negeri bagi membolehkan mereka membiayai kerja-kerja awal seperti pengambilan tanah, penyediaan tapak dan pembangunan infrastruktur.
 - (iii) Menubuhkan satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri di setiap negeri yang akan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan skim perumahan kos rendah.
 - (iv) Mensyaratkan sektor swasta mengkhaskan antara 30-50% dari unit perumahan yang dimajukan untuk rumah kos rendah mengikut konsep kondominium. Bagi memastikan rumah kos rendah ini didapati oleh golongan yang dimatlamatkan, Kerajaan akan menyertai pembahagian rumah-rumah tersebut atau dalam keadaan tertentu mungkin membelinya untuk dibahagi-bahagikan.
 - (v) Memperkenalkan beberapa bentuk sistem binaan secara pasang-siap atau teknik pembinaan moden bagi skim-skim perumahan kos rendah untuk menjimatkan masa dan mengurangkan kos.
 - (vi) Memastikan bekalan kewangan yang mencukupi dan aliran kewangan yang licin.
 - (vii) Memastikan bekalan bahan binaan yang mencukupi dan pengedaran yang sempurna.
 - (viii) Memastikan bekalan tenaga pekerja-pekerja binaan mahir dan separuh-mahir serta kakitangan penyeliaan dan pengurusan yang mencukupi, dan
 - (ix) Mengecualikan cukai-cukai kastam ke atas import kelengkapan dan jentera serta bahan-bahan binaan yang tertentu.
- (b) Berhubung dengan soalan kedua Yang Berhormat itu, dimaklumkan, bahawa sekiranya strateji-strateji di atas dapat dijalankan seperti mana yang

dirancangkan, saya yakin matlamat di atas akan dapat dicapai.

PAGAR DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-SEREMBAN

22. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam menyatakan:

- (i) apakah tujuan pihak Jabatan Kerjaraya membuat pagar di sepanjang jalan Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban, sekarang ini telah siap pembinaannya sehingga ke Serdang dengan pagar yang tidak boleh dilihat kenderaan-kenderaan yang lalu di sebelah dan tidaklah memadai dengan adanya pembahagi jalan sahaja; dan
- (ii) adakah rancangan ini akan diteruskan hingga ke Seremban.

Dato S. Samy Vellu: Saya ingin memaklumkan bahawa pagar "anti glare" yang dipasang di Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban yang mana sekarang ini telah siap pembinaannya sehingga ke Serdang adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan dan menambah keselesaan pemandu-pemandu ketika memandu pada waktu malam. Dengan adanya pagar ini, pemandu-pemandu akan dapat menghindarkan sinaran cahaya lampu "headlamps" kenderaan-kenderaan yang datang dari arah hadapan. Di samping mengelakkan pemandu-pemandu kenderaan membuat "U turn", pembinaan pagar tersebut juga bertujuan untuk mengelakkan pemandu-pemandu Lebuhraya memandang ke seberang jalan bagi memastikan mereka dapat menumpukan perhatian sepenuhnya semasa memandu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sistem ini telahpun dipraktikkan di Amerika, Jepun dan Britain dengan jayanya. Buat masa ini Kementerian saya cuma mengadakan pagar tersebut hingga ke Serdang sebagai percubaan dan belum bercadang untuk meneruskan pemasangan pagar tersebut hingga ke Seremban. Walau bagaimanapun pemasangan tersebut mungkin diteruskan ke Seremban jika difikirkan perlu berdasarkan penerimaan orang ramai.

PENJUALAN TIKET KERETAPI TANAH MELAYU

23. Dato' Haji Mohmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapakah masih berlaku lagi sistem penjualan tiket Keretapi (KTM) yang tidak rapi (bertindih) yang telah menyusahkan penumpang-penumpang seperti pada 30-4-1981 di mana beratus-ratus penumpang yang hendak ke Singapura tidak mempunyai tempat walaupun mereka telah menempah tiket bernombor yang dijamin untuk mendapat tempat duduk.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pentadbiran Keretapi ada menjalankan 2 perkhidmatan tren penumpang iaitu tren ekspres dan tren penumpang biasa. Bagi perkhidmatan ekspres iaitu Ekspres Rakyat dan Ekspres KTM, di mana semua tempat duduk adalah bernombor dan tiket-tiket boleh ditempah 10 hari lebih awal. Bagi tren penumpang biasa pula, tempat duduknya tidak bernombor dan tiket-tiket dijual secara terbuka. Bagaimanapun, peraturan telah ditetapkan bahawa apabila tempat duduk sudah penuh penumpang-penumpang yang membeli tiket akan diberitahu dan tiket-tiket hanya akan dijual dengan syarat mereka bersetuju berdiri.

Peristiwa di mana 300 orang penumpang ke Singapura telah tersadai di Stesen Kuala Lumpur pada malam 30-4-81 adalah kerana penumpang-penumpang terlalu ramai serta perjalanan dua rombongan terdiri dari 204 orang ke Singapura. Koc-koc yang disediakan untuk dua perkhidmatan penumpang biasa dan mel pada malam itu didapati tidak dapat tidak menampung ratusan penumpang yang menunggu di Stesen Kuala Lumpur. Dua perkhidmatan Khas tambahan telah dijalankan pada malam itu; satu ke Singapura dan satu lagi ke Butterworth untuk mengangkut penumpang-penumpang yang berlebihan itu.

LAPANGAN TERBANG KUALA TRENGGANU—PEMBESARAN

24. Puan Hasnah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilakah Kementerian berkenaan akan memulakan pembesaran lapangan

terbang Kuala Trengganu;

- (b) kenapa penerbangan MAS ke Kuala Trengganu selalu tergendala; dan
- (c) di negeri manakah lagi MAS menggunakan pesawat Fokker selain dari penerbangannya ke Negeri Trengganu.

Dr Goh Cheng Teik:

- (a) Pada masa ini tindakan sedangpun diambil untuk membesarkan Lapangan terbang Kuala Trengganu. Landasan di Lapangan terbang Kuala Trengganu akan dipanjangkan dan diperkuatkan bagi menampung keperluan-keperluan kapal terbang jet jenis B737. Reka bentuknya (detail design) sedang diusahakan dan kerja pembinaan akan bermula dalam bulan Julai 1981. Selain daripada itu, sebuah Bangunan Terminal baru sedang dibina dan dijangka siap pada akhir tahun ini.

Alat-alat panduan penerbangan dan juga sebuah Balai Bomba juga akan disediakan. Pada keseluruhannya projek pembangunan Lapangan terbang Kuala Trengganu akan siap pada bulan September 1983.

- (b) Baru-baru ini memang ada terdapat penerbangan MAS ke Kuala Trengganu yang tergendala. Ini adalah disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dielakkan iaitu kerosakan sebuah pesawat F27 MAS. Perkara ini berlaku dalam bulan Februari 1981. Oleh kerana kerosakan pesawat ini, penerbangan tempatan MAS ke tempat-tempat lain turut juga tergendala. Walau bagaimanapun, keadaan ini telah pun diatasi dan pesawat F27 ini telah pun digunakan semula.
- (c) Selain dari penerbangan ke Kuala Trengganu, MAS juga menggunakan pesawat F27 ke semua destinasi tempatan di Semenanjung Malaysia dan juga di beberapa bandar di Sabah dan Sarawak seperti Kota Kinabalu, Bintulu, Kuching, Labuan, Lahat Datu, Miri, Sandakan, Sibul dan Tawau.

PERDAGANGAN MALAYSIA—JEPUN

25. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebanyak mana daripada perdagangan Malaysia—Jepun yang berjumlah US\$11000 juta dan 93% daripada barang-barang itu hasil keluaran Malaysia, diangkut oleh kapal-kapal Malaysia; dan
- (b) tindakan diambil untuk kapal-kapal kepunyaan Malaysia menyertai pengangkutan ini secara asasi timbangsama.

Dato Lew Sip Hon:

- (a) Perdagangan luar di antara Malaysia dengan Jepun dari segi eksport, import dan jumlah perdagangan adalah seperti berikut:

	1980
	(Nilai Juta Ringgit)
Eksport	6447.1
Import	5373.1
Jumlah	11,820.2

Eksport dari Malaysia adalah sebanyak 54% daripada jumlah perdagangan dengan Jepun. Bagi menentukan penyertaan kapal Malaysia dalam perdagangan ini, keadaan sebenar adalah dikaji dari segi maklumat mengenai perdagangan beberapa cargo tertentu. Dari segi eksport, adalah diketahui bahawa eksport bahan tembaga (copper) dari Sabah ke Jepun adalah diangkut 100% dalam kapal kepunyaan MISC dan dalam tahun 1980 ini berjumlah sebanyak 120,000 tan metrik. Bagi 'bauxite' pula dari Johor ke Jepun jumlah sebanyak 234,000 tan metrik setahun atau 50% daripada eksport bahan ini diangkut dalam kapal kepunyaan MISC. Bagi eksport 'woodchip' kapal Woodchip kepunyaan MISC telah diguna bagi mengangkut bahan ini ke pasaran di Jepun. Bahan kayu 'logs' yang

dieksport dari Sabah adalah diangkut oleh kapal istimewa—Log Carrier—yang dimiliki sebahagiannya oleh warganegara Malaysia. Yang bakinya adalah diangkut oleh log carrier kepunyaan Jepun.

Dari segi eksport bahan mentah seperti minyak kelapa sawit dan getah, syarikat-syarikat Perdagangan Jepun memberi keistimewaan bagi mengadakan perjanjian eksport atas syarat eksport FOB dari Malaysia dan seterusnya menyertai perkapalan kepunyaan Jepun.

Dalam perdagangan yang diangkut dalam perkumpulan perkapalan, MISC memberi perkhidmatan kapal Container dari Malaysia dengan Jepun.

Kebanyakan import Malaysia dari Jepun adalah bahan-bahan manufactures di mana pengeksport Jepun ada perhubungan rapat dengan Syarikat Perkapalan Jepun sendiri. Bersangkutan dengan perhubungan ini adalah jelas bahawa import daripada Jepun diangkut ke semuanya atas kapal-kapal kepunyaan Jepun seperti NYK, MOL dan K-Lines. Bagi bahan tertentu seperti import kereta adalah diketahui bahawa import ini juga diangkut atas kapal istimewa seperti car carrier yang juga dimiliki oleh Syarikat Perkapalan Jepun. Memandangkan kepada keadaan ini pengimport dan pengeksport di Jepun telah menentukan bahawa kebanyakan daripada perdagangan dengan Malaysia diangkut atas kapal-kapal kepunyaan Jepun.

- (b) Untuk menambahkan penyertaan pengangkutan kapal kepunyaan Malaysia dalam perdagangan antara Malaysia dan Jepun adalah perlu bahawa sikap pengeksport/pengimport Malaysia diubah supaya mereka mendapat mengawal aktiviti perkapalan; dan bagi mencapai tujuan ini, beberapa langkah telah dan akan diambil.

(1) Menggalakkan pendaftaran kapal-kapal di Malaysia supaya

menambah kapal-kapal kepunyaan Malaysia;

- (2) Melaksanakan projek mendapatkan statistik perkapalan supaya menentukan kebanyakan cargo yang diangkut dan penyertaan kapal kepunyaan asing atas beberapa saluran perdagangan Malaysia sekarang;
- (3) Melaksanakan projek mendapatkan maklumat tentang tambang kapal yang dibayar bagi mengangkut komoditi tertentu yang dieksport ke pasaran luar negeri atau yang diimport dari pengeluar di luar negeri. Maklumat atas tambang kapal ini akan memberi garis panduan bagi membolehkan kapal-kapal kepunyaan Malaysia menyertai dalam beberapa saluran perdagangan dari segi keuntungan yang akan dialami.
- (4) Beberapa usaha adalah dijalankan bagi memberi faedah kepada pengguna-pengguna kapal seperti mengumpulkan bahan eksport secara—cargo consolidation—sebelum menentukan cara dan tambang perkapalan. Usaha seperti ini telah diambil bagi mengeksport minyak kelapa sawit ke Eropah Barat di mana MISC adalah menjadi pengangkut besar bahan ini. Usaha yang sama boleh dijalankan bagi beberapa bahan eksport tertentu ke Jepun.
- (5) Menggalakkan pengguna-pengguna kapal di Malaysia supaya mengubah syarat eksport bahan daripada FOB kepada syarat CIF, dan sebaliknya bagi import menggunakan FOB secara am. Cara eksport dan import seperti ini akan menggalakkan pengguna-pengguna kapal di Malaysia menentukan cara perkapalan bahan kepunyaan mereka dan

ini sebaliknya akan juga memberi galakkan kapal-kapal kepunyaan Malaysia menyertai dalam perdagangan ini.

- (6) Bagi eksport LNG ke Jepun kapal kepunyaan Malaysia iaitu MISC telah membeli beberapa kapal khas dan kesemua eksport cargo ke Jepun akan diangkut oleh kapal-kapal MISC.
- (7) Bagi menambahkan penyertaan perkapalan Malaysia mengangkut bahan-bahan Malaysia satu konvensyen yang disediakan di bawah anjuran Bangsa-bangsa Bersatu iaitu: U.N. Convention On a Code of Conduct For Liner Conference atas prinsip mengangkut cargo iaitu 40:40:20 akan menentukan penyertaan perkapalan kebangsaan dalam perdagangan 'bilateral' Malaysia—Jepun.
- (8) Menggalakkan pemilik kapal-kapal yang sekarang ini memberi perkhidmatan persisiran bagi menjalankan perkhidmatan perkapalan antarabangsa.

DOKTOR SWASTA ISLAM UNTUK BAKAL HAJI

26. Puan Hasnah binti Mohd. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan adakah cadangan untuk mengambil doktor-doktor swasta Islam bagi ditugaskan memeriksa bakal-bakal Haji bagi mengatasi kekurangan doktor yang disediakan oleh yang berkenaan dalam perkara tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil doktor-doktor Swasta Islam untuk ditugaskan merawat bakal-bakal Haji di Tanah suci kerana bilangan doktor dari Kementerian Kesihatan yang menganggotai Rombongan Perubatan pada tiap-tiap tahun adalah mencukupi.

Mengenai pemeriksaan Jemaah Haji di Malaysia sebelum mereka bertolak ke Tanah Suci pula, para-para doktor yang menjalankan tugas itu di Hospital-hospital

dan di Klinik-klinik Kerajaan adalah juga mencukupi.

ASEAN—PERMOHONAN BRUNEI/SRI LANKA

27. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Brunei dan Sri Lanka memohon untuk memasuki "ASEAN" baru-baru ini dan jika ya, apakah alasan-alasan dan pendirian Malaysia untuk menyokong atau menolak permohonan kedua-dua negara itu.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Setakat ini hanya Sri Lanka sahaja yang telah memohon secara rasmi untuk menjadi anggota di dalam ASEAN. Bagi Brunei, ia belum lagi membuat permohonan menjadi anggota di dalam ASEAN. Bagi Brunei, ia menjadi sebuah negara yang merdeka.

Malaysia menyokong dan mengalu-alukan Brunei sebagai anggota ASEAN sekiranya ia membuat permohonannya selepas mencapai kemerdekaannya pada tahun 1983.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Brunei telah pun menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke 14 di Manila pada minggu lepas sebagai pemerhati.

Permohonan Sri Lanka untuk menjadi anggota akan dikaji dengan mendalam oleh pegawai-pegawai kanan ASEAN dan dijangka dipertimbangkan dan diputuskan secara konsensus oleh kesemua anggota ASEAN di dalam mesyuarat peringkat Menteri-menteri Asean di Singapura dalam tahun 1982 ini.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG—PENERBANGAN

28. Tuan Lee Jong Ki minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian akan mempertimbangkan supaya menerima satu polisi yang terkenal sebagai 'langit terbuka' untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dengan tujuan menggalakkan lebih banyak trafik udara dalam Pulau Pinang dan negara.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk menggalakkan lebih banyak trafik udara di Pulau Pinang, Kementerian saya telahpun mengamalkan satu polisi yang liberal iaitu "open sky policy"

untuk penerbangan tidak berjadual khususnya penerbangan sewa khas pelancongan dari luar negeri.

Bagi perkhidmatan udara berjadual pula biasanya ia adalah bergantung kepada rundingan perjanjian udara di antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan. Bagaimanapun dalam rundingan-rundingan tersebut Kementerian saya sentiasa mengamalkan prinsip yang boleh menggalakkan lebih banyak Syarikat penerbangan datang ke Pulau Pinang demi kepentingan industri dan pembangunan negara.

BANGUNAN SEKRETARIAT ASEAN

29. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa bangunan baharu Sekretariat ASEAN telah siap dan telahpun diserahkan kepada Setiausaha Agong, ASEAN; jika benar menyatakan:

- (a) negara-negara ahli yang membiayai kos bangunan itu dan jumlah wang sumbangan Malaysia dan;
- (b) sama ada kakitangan Sekretariat itu diambil dari semua Negara anggota ASEAN.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj: Bangunan Baharu Sekretariat ASEAN telah pun siap dibina dan diserahkan secara rasmi pada 9hb Mei, 1981. Untuk makluman Yang Berhormat Bangunan ini terletak di Kebayoran Baru, yang mana merupakan bandar setelit di sebelah selatan Jakarta:

- (a) Berhubung dengan soalan pembiayaan kos bangunan ini, Kerajaan Indonesia telah membiayai sepenuhnya kos pembinaan bangunan ini dan negara-negara anggota ASEAN tidak memberikan sumbangan kewangan kepada pembinaan tersebut.
- (b) Berhubung dengan kakitangan Sekretariat tersebut, diperingkat pegawai-pegawai kanan, negara-negara ASEAN telah meminjamkan pegawai-pegawai mengikut giliran dari negara masing-masing. Untuk makluman Yang Berhormat Setiausaha Agong ASEAN, berkhidmat selama dua tahun dan Pengarah-pengarah Biro pula, selama tiga (3) tahun.

Lain-lain kakitangan adalah diambil dari wargenagara tempatan dan wargenagara dari negara-negara ASEAN yang mana layak untuk menjawat jawatan-jawatan yang terdapat di Sekretariat tersebut.

LIST OF THE HOME BASED STAFF

Secretary General	<i>Date</i>
H.E. Datuk Ali bin Abdullah (Malaysia)	10-7-1978—30-6-1980
H.E. Mr Narciso G. Reyes (Philippines)	1-7-1980
Bureau Director of Economic Affairs	
Dr Chng Meng Kng (Singapore)	1-12-1980
Bureau Director of Science and Technology	
Dr C.P.F. Luhulima (Indonesia)	14-5-1980
Bureau Director of Socio-Cultural Affairs	
Mr Loke Foo Yee (Singapore)	1-7-1977—30-6-1980
Mr Sarawudh Kongsiri (Thailand)	1-7-1980
Foreign Trade and Economic Relations Officer	
Mr Caesar N. Antienza (Philippines)	29-3-1980
Administrative Officer	
Mrs Subijartani Santhoso (Indonesia)	11-1-1980

Public Information Officer*Date*

Mr Jerry M. Reyes (Philippines) 13-2-1980

Assistant to the Secretary General

Mr Abdul Wahab bin Harun (Malaysia) 1-10-1979

RISDA—RANCANGAN MINI ESTET

30. Tuan V.V. Aboo minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan peratus kemajuan yang telah dicapai oleh mini estet ini dan sama ada beliau berpuashati dengan kemajuan ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Shariff Ahmad): Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan mini

<i>Tahun</i>	<i>Matlamat Tahunan</i>	<i>Pencapaian</i>	<i>% Kemajuan</i>
1980	10,000 ekar	17,314 ³ / ₄ ekar	173%
Setakat 31-5-1981	10,000 ekar	19,771 ¹ / ₄ ekar	197%

Setakat ini saya berpuashati dengan kejayaan yang dicapai oleh rancangan ini.

PASUKAN POLIS DI MESYUARAT PARTI POLITIK

31. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Sebab-sebabnya pasukan keselamatan negara kita selalu dibabitkan apabila sesuatu parti politik mengadakan mesyuaratnya;
- (b) sama ada penglibatan sedemikian akan menjatuhkan maruah pasukan keselamatan kerana ia telah dijadikan alat bagi satu pihak menentang pihak yang lain; dan
- (c) sama ada beliau yakin bahawa sebarang rusuhan akan dapat dibendung.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Bagaimanapun secara keseluruhannya adalah menjadi tanggungjawab pasukan Polis

estet RISDA ini diwujudkan pada pertengahan tahun 1979. Walau bagaimanapun operasi sebenar adalah dimulakan pada awal tahun 1980. Semenjak itu kemajuan yang telah dicapai sangatlah menggalakkan, di mana telah melebihi matlamat tahunan berhubung dengan pembukaan tanah bagi mini estet ini, iaitu 10,000 ekar setahun.

Pencapaian dan peratus kemajuan yang diperolehi adalah seperti berikut:

untuk memastikan mana-mana perhimpunan, seperti mesyuarat parti politik yang terbuka berjalan dengan lancar, sempurna serta selamat tanpa diganggu oleh anasir-anasir yang tidak diingini atau sebaliknya mengganggu ketenteraan awam.

- (b) suka saya menegaskan bahawa dalam menjalankan tanggung-jawab itu adalah sama sekali tidak menjatuhkan maruah pasukan Polis kerana tugas pasukan Polis adalah bukan merupakan alat atau diperalatkan oleh mana-mana pihak untuk mengujudkan suasana pertentangan antara satu dengan lain; tetapi sebaliknya pasukan polis memberi khidmat dan bakti menurut undang-undang negara yang ada sekarang bukan sahaja untuk memastikan kelancaran perjalanan mesyuarat, bahkan juga untuk menjamin keselamatan ketenteraman orang ramai.
- (c) Dengan adanya pengawasan pasukan Polis dan sesuatu perhimpunan atau mesyuarat itu sentiasa menghargai

kedaulatan undang-undang negara, kerajaan yakin sebarang rusuhan bukan sahaja dapat dibendung, bahkan tidak akan terjadi.

PENAGIH DADAH

32. **Tuan Alexander Y.T.Lee** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai angka-angka tentang berapa ramai penagih-penagih dadah yang terdapat di negara kita; dan berapakah jumlah yang terdapat di pusat-pusat pemulihan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perangkaan yang ada setakat ini bilangan penagih-penagih dadah yang telah dikesan di seluruh negara sejak tahun 1970 hingga 1980 ialah 55,395 orang. Kira-kira 90 peratus dari mereka berumur 35 tahun ke bawah, dan hampir 50 peratus dalam lingkungan umur 15-25 tahun. Jumlah penagih-penagih dadah yang telah dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan Kementerian Kebajikan Am sejak 1-10-1975 hingga 31-12-1980 ialah 4,773 orang. Bilangan yang terdapat di pusat-pusat ini pada 15hb Jun, 1981, ialah 412 orang semuanya. Pecahan mereka mengikut pusat-pusat pemulihan adalah seperti berikut:-

Pusat Pemulihan Bukit Mertajam ..	80 orang
Pusat Pemulihan Kuala Kubu Bharu ..	167 orang
Pusat Pemulihan Tampoi	111 orang
Pusat Pemulihan Besut	54 orang
JUMLAH ..	412 orang

PENDATANG/PELARIAN DARI NEGERI BURMA

33. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- Bilangan pendatang/pelarian dari Negeri Burma yang datang ke Malaysia pada tahun ini; dan
- Apakah pendirian Malaysia atas pendatang/pelarian ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- Bilangan pendatang/pelarian dari negeri Burma yang datang ke Malaysia pada tahun ini ialah seramai 96 orang.
- Kerajaan Malaysia telah mengambil pendirian untuk memberi perlindungan sementara kepada mereka yang tersebut di atas berasaskan kepada sebab-sebab perikemanusiaan.

PENGELUARAN PERMIT KE NEGERI CHINA

34. **Tuan Lee Jong Ki** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebabnya yang melambatkan keluaran permit kepada orang tua yang ingin melawat ahli keluarganya di negeri China, dan langkah apakah yang sudah diambil supaya dapat mencepatkan kelulusan permit-permit ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada kelambatan di dalam pengeluaran Cop Khas ke negeri China. Masa yang diambil sekarang adalah berpatutan kerana Kerajaan terpaksa mengkaji dengan teliti akan sesuatu kes itu sebelum ia diluluskan.

PEMBUNUHAN RAKYAT MALAYSIA DI SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND

35. **Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Menteri hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- hasil penyiasatan terhadap pembunuhan rakyat Malaysia di sempadan Thai baru-baru ini; dan
- sama ada Kerajaan Thai telah memberi jaminan terhadap keselamatan rakyat Malaysia yang melawat negerinya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- Penyiasatan terhadap pembunuhan rakyat Malaysia di Sempadan Malaysia/Thailand baru-baru ini pada 16-5-81 sedang dijalankan oleh pihak Polis Thailand. Hasil penyiasatan itu

akan diberikan kepada pihak berkuasa Malaysia setelah penyiataan itu selesai.

- (b) Berikutan dari peristiwa itu Kerajaan Thailand masih belum membuat sebarang jaminan terhadap keselamatan rakyat Malaysia yang melawat negeri itu. Perkara ini adalah urusan hal ehwal dalam negeri Thailand sendiri untuk menentukannya.

PENDATANG HARAM DI PULAU LANGKAWI

36. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Jumlah pendatang haram yang telah mendarat di Pulau Langkawi hingga hari ini; dan
- (b) Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kedatangan mereka itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman ahli yang Berhormat;

- (a) Jumlah pendatang haram yang telah mendarat di Pulau Langkawi hingga hari ini ialah seramai 96 orang.
- (b) Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan dalam menyekat kemasukkan pendatang haram ini ialah dengan mengadakan rondaan-rondaan laut yang kerap.

KESELAMATAN RAKYAT MALAYSIA DI SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND

37. Tuan V.V. Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil untuk menjamin keselamatan rakyat Malaysia yang melawat bandar-bandar sempadan Malaysia/Thailand, seperti Sungai Golok dan Padang Besar; dan
- (b) memandangkan bertambahnya kes-kes jenayah seperti pembunuhan dan rompakan yang dialami oleh rakyat

Malaysia yang melawat ke tempat tersebut sama ada Kerajaan akan menyekat dan melarang orang ramai supaya tidak pergi ke sana melainkan untuk urusan rasmi sahaja; dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Terserahlah kepada rakyat Malaysia sendiri untuk menjaga keselamatan diri masing-masing semasa berada di luar negeri. Soal untuk menjamin keselamatan rakyat Malaysia yang melawat bandar-bandar disempadan Malaysia/Thailand adalah urusan Kerajaan Thailand kerana ianya adalah merupakan hal ehwal dalam negeri itu sendiri.
- (b) Menurut undang-undang yang ada sekarang, kerajaan tidak menyekat mana-mana warganegara Malaysia yang hendak melawat ke mana-mana negeri asing yang dibenarkan, seperti Thailand.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (22hb Jun, 1981).

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, semasa Dewan yang mulia ini ditangguhkan pada hari semalam, saya telah memberi penjelasan atas maksud Rang Undang-undang ini dan saya telahpun katakan ada dua pindaan utama dalam Rang Undang-undang ini dan sayapun telah memberi ulasan tujuan utama.

(b) Pindaan ke atas Seksyen Kecil 1 Seksyen 26 ialah berkenaan dengan perlantikan pegawai-pegawai penguatkuasa akta ini. Peruntukan yang sedia ada

memerlukan pegawai-pegawai merinyu dilantik untuk menguatkuasakan Akta ini. Memandangkan Bahagian Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai bilangan pegawai-pegawai yang cukup serta sesuai bagi menguatkuasakan Akta ini, Kerajaan berpendapat bahawa kerja-kerja menguatkuasakan Akta ini boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai tersebut. Fasal ini akan memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan lain-lain dan bertujuan menggunakan tenaga pekerja yang sedia ada di Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk melaksanakan Akta ini. Oleh yang demikian, satu Bahagian baru khususnya untuk menguatkuasakan Akta ini, tidak perlu ditubuhkan kerana Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya pada masa ini mempunyai pejabat-pejabat cawangan di semua negeri termasuk di peringkat daerah dan pegawai-pegawai yang pada masa ini berjumlah 529 orang, adalah mencukupi untuk menanggung kewajipan yang akan bertambah akibat daripada pindaan Akta ini. Selain daripada itu, apabila Akta tersebut dikuatkuasakan dengan sepenuhnya pada tahun depan, semua Ordinan-ordinan dan Enakmen-enakmen Timbang dan Sukat di negeri-negeri akan dimansuhkan dan pegawai-pegawai timbang dan sukat yang sekarang menguatkuasakan Ordinan-ordinan dan Enakmen-enakmen tersebut juga akan diserahkan kepada kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menerangkan tujuan-tujuan diadakan pindaan itu mengikut Fasal.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan mengeluarkan takrif perkataan 'Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat' sejajar dengan pindaan yang disyorkan untuk Seksyen 6.

Fasal 3 dan 6 bertujuan meminda Seksyen Kecil (1) Seksyen 6 dan Seksyen Kecil (1) Seksyen 10 iaitu untuk memberikuasa kepada Menteri menentu dan mengakui Piawai-piawai Utama Malaysia mengikut cara yang difikirkannya sesuai supaya ia dapat dijalankan dengan lebih senang dan cepat lagi. Selaras dengan pindaan itu, perkataan

"peroto" yang terdapat dalam Seksyen Kecil (2) Seksyen 6 adalah dikeluarkan kerana Piawai-piawai Utama Malaysia tidak lagi merupakan salinan yang asal yang dikeluarkan oleh Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen Kecil 1 Seksyen 7 untuk menjadikannya selaras dengan perenggan (a) Seksyen Kecil (2) Seksyen 29. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sementara Seksyen kecil (1) Seksyen 7 yang sedia ada menetapkan bahawa penentuan dan pengakuan bagi Piawai-piawai kedua hendaklah mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri melalui Pemberitahu dalam Warta. Sebaliknya, Perenggan (a) Seksyen Kecil (2) Seksyen 29, menetapkan, antara lain supaya penentuan dan pengakuan itu dibuat melalui peraturan-peraturan. Di samping itu Fasal ini juga bertujuan memerlukan Menteri menyediakan dan menyelenggarakan Piawai-piawai Kedua bagi Jisim dan Sukat yang hanya dianggap sesuai oleh Penyimpan Timbang dan Sukat (iaitu SIRIM) dan tidak untuk semua timbang dan sukat yang dinyatakan di Jadual Kedua mengikut peruntukan yang ada sekarang. Ini adalah disebabkan Kerajaan mendapati adalah terlalu banyak dan sukar bagi Menteri menyelenggarakan kesemua timbang dan sukat itu.

Begitu juga Fasal 5 Rang undang-undang ini bertujuan mengemaskan Seksyen Kecil (1) Seksyen 8 supaya ia adalah selaras dengan perenggan (a) Seksyen Kecil 2 Seksyen 29. Seksyen Kecil (2) Seksyen 8 Akta asal juga akan dipinda melalui Fasal ini atas sebab-sebab yang mana seperti di atas.

Fasal 7 Rang Undang-undang ini pula bertujuan meminda Perenggan (b) Seksyen Kecil (1) Seksyen 12 dan Perenggan (b) Seksyen Kecil (2) Seksyen 12 Akta asal berbangkit dari pindaan terhadap Jadual Kedua Akta tersebut. Pindaan ini akan memperuntukkan iaitu penggunaan sukat isipadu berdasarkan 'liter' adalah sah digunakan sebagai sukat untuk perdagangan oleh kerana unit sukatan ini telah pun diterima sebagai unit sukat isipadu bagi perdagangan antarabangsa.

Fasal 8 Rang Undang-undang ini cuma bertujuan meminda nota birai (marginal note) di Seksyen 18 Akta asal supaya ianya memberi maksud yang sebenarnya bagi Seksyen tersebut.

Fasal 9 Rang Undang-undang ini pula bertujuan memansuhkan Seksyen 24 Akta asal kerana seksyen ini mengecualikan pembancuhan atau penentuan dadah (drug) atau ubat daripada menggunakan unit metrik. Tetapi ini didapati tidak sesuai lagi kerana penggunaan sistem metrik telah pun dilaksanakan hampir sepenuhnya dalam penentuan dan pembancuhan dadah (drug) atau ubat.

Fasal 10 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Ketua Inspektor Timbang dan Sukat, Timbalan-timbalan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan Inspektor-inspektor Timbang dan Sukat. Ini adalah untuk membolehkan Menteri melantik pegawai-pegawai di Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Penguatkuasaan Akta ini seperti yang saya nyatakan tadi.

Fasal 11 pula bertujuan menyatakan dengan lebih jelas lagi lesen-lesen yang boleh dikeluarkan oleh Ketua Inspektor Timbang dan Sukat iaitu lesen untuk membuat, menjual atau membaiki alat-alat timbang dan sukat dibawah Seksyen 27 Akta asal.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal-fasal lain iaitu Fasal 12, 13 dan 14 masing-masing adalah bertujuan menyelaraskan penggunaan perkataan-perkataan menambahkan unit asas di Bahagian I Jadual Pertama Akta asal dan membetulkan ejaan kepada istilah-istilah yang digunakan.

Akhir sekali, Fasal 15 bertujuan membetulkan kesilapan perkeranian (clerical errors) dalam teks Bahasa Malaysia kepada Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa pelaksanaan sistem metrik serta pengawalan dan pentadbiran berhubung dengan hal-hal timbang dan sukat di negara ini dapat dijalankan dengan lebih licin dan teratur, maka adalah perlu bagi pindaan-pindaan yang dicadangkan ini dibuat kepada Akta Timbang dan Sukat 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dibacakan kali kedua, dan sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah.

3.44 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara Akta Timbang dan Sukat ini saya tidaklah hendak bercakap banyak, tetapi apa yang sudah saya dengar sebentar ini penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapatlah saya mengambil kesimpulan serba ringkas di mana perkara Akta Timbang dan Sukat ini, apa yang saya harapkan pertama sekali penerangan yang lebih lanjut hendaklah diberikan kepada orangramai terlebih dahulu oleh kerana saya katakan demikian, berhubung perkara timbang dan sukat ini yang lebih arif ialah pelajar-pelajar. Bagi orang awam amatlah kurang sekali pengetahuan dalam masalah ini, hanya mereka akan mengikut cara lama juga. Jadi kalau tidak ada penerangan yang lebih lanjut dalam masalah ini maka pihak yang berkenaan dan juga orang ramai akan sama-sama menjadi satu penanggungang yang berat.

Perkara yang kedua, penerangan mengenai perbandingan di atas apa yang hendak dijalankan seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu pada masa akan datang hendak ditukar di antara beberapa timbang dan sukat ini seperti batu dan kilometer dan begitu juga perkara lain mestilah diberitahu seluas-luasnya penjelasan dalam masalah ini sebelum berjalan kuatkuasa Akta ini. Sebab bagi masyarakat kita di Malaysia ini dalam masalah kati dan kilo atau ela dan meter masih gelap, maka hendaklah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sebelum Akta ini dijalankan ke seluruh negara, pegawai-pegawai mestilah ditugaskan untuk memberikan penjelasan yang seluas-luasnya.

Dalam perkara ketiga tentang penerangan ukuran liter dan gelen juga perlu diberikan penjelasan kepada orang ramai. Ini tidaklah berat kerana perkara ini mudah difahamkan.

Perkara keempat tentang ukuran meter ini juga adalah menjadi asing kepada orang ramai kecuali kepada pegawai yang mengerti sahaja dalam masalah ini, maka dengan sebab itu dengan serba ringkas saya katakan supaya dalam hal kita mempersetujui meminda Akta Timbang dan Sukat ini, pihak yang berkenaan hendaklah beri penerangan yang jelas supaya tidak membangkitkan satu isu yang amat gelisah atau membangkitkan resah gelisah kepada masyarakat dan rakyat semua.

Jadi, itulah sahaja teguran saya dalam Akta Timbang dan Sukat ini. Terima kasih kepada pihak yang berkenaan yang meminda Akta ini.

3.47 ptg.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah yang telah melafazkan beberapa pandangan dan cadangan yang membina atas penerangan atau publisiti yang akan dijalankan dan sedang dijalankan oleh Kementerian untuk menukar sistem yang ada kepada sistem metrik. Di sini sukalah saya memberikan penjelasan iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah juga mengeluarkan beberapa buku panduan, risalah, poster-poster, chart-chart dan kad-kad pertukaran metrik untuk memberi maklumat tentang pertukaran tersebut dan ini telah diedarkan kepada orang awam, sekolah, firma-firma, jabatan-jabatan Kerajaan dan sebagainya.

Kementerian ini juga telah mengadakan seminar-seminar dan pertunjukan filem-filem metrik di beberapa bandar di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak untuk memperkenalkan pelaksanaan sistem metrik ini.

Demikian juga pada masa hadapan oleh kerana kita akan menukarkan sepenuhnya kepada sistem metrik pada bulan Mac tahun hadapan, Kementerian saya akan mempergiatkan lagi kempen publisiti melalui

mass-media seperti akhbar radio dan T.V. untuk memberikan maklumat lebih lanjut tentang penggunaan sistem metrik.

Saya rasa dengan ini kita boleh melaksanakan Akta ini dan juga untuk menanamkan kesedaran atau fikiran metrik apabila kita menguatkuasakan atau menukarkan sepenuhnya kepada sistem metrik pada tahun hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PEKEBUN (PEMBUBARAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Akta bagi memansuhkan Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun, membubarkan Kumpulanwang Pinjaman Pekebun yang ditubuhkan di bawah Enakmen tersebut, memindahmilik dan meletak hak semua harta dan tanggungannya kepada Bank Pertanian

Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Lembaga Pinjaman Pekebum telah ditubuhkan pada tahun 1915 oleh Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) di bawah Enakmen Tabung Pinjaman Pekebum sebagai sebuah Badan Berkanun yang pertama kali ditubuhkan. Lembaga Pinjaman Pekebum ini telah ditugaskan untuk mengawasi pinjaman Kerajaan bagi tujuan pertanian di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Untuk tujuan ini Lembaga Pinjaman Pekebum telah diperuntukkan oleh Kerajaan satu tabung sejumlah \$4 juta. Selepas kemerdekaan Malaya tujuan Lembaga Pinjaman Pekebum telah dipinda sedikit dengan membataskan pinjaman kepada pekebum-pekebum kecil yang mempunyai tanah kurang dari 100 ekar atau kepada syarikat-syarikat kerjasama di mana setiap ahlinya mempunyai syer kurang dari 100 ekar dan tanah-tanah mereka mestilah terletak di Negeri-negeri Bersekutu dahulu.

Setiap pinjaman yang diluluskan adalah dicagarkan dengan tanah peminjam-peminjam dan kadar faedah yang dikenakan adalah 7% untuk pinjaman yang kurang dari \$5,000 dan melebihi daripada 7% hingga 15% bagi pinjaman yang melebihi \$5,000. Walaupun peruntukan yang diberikan kepada Lembaga Pinjaman Pekebum berjumlah \$4 juta tetapi pinjaman yang telah dikeluarkan iaitu yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Tahunannya yang terakhir setelah diambil kira pembayaran balik pinjaman dari peminjam adalah berjumlah \$1.85 juta sahaja. Ini adalah kerana kegiatannya yang terbatas kepada empat buah negeri bersekutu yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1969, tiga buah Badan Berkanun telah ditubuhkan untuk membantu pekebum-pekebum kecil. Badan-badan Berkanun itu ialah Bank Pertanian Malaysia, RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Bank Pertanian Malaysia sekarang ini memberi pinjaman kepada petani-petani di seluruh Malaysia dan pinjaman adalah meliputi semua

aktiviti-aktiviti pertanian. Ini termasuklah mengadakan rancangan kredit jangka pendek untuk pengeluaran padi dan tembakau. Rancangan kredit jangka pertengahan untuk pembelian jentera pertanian dan rancangan pinjaman untuk ternakan-ternakan, perikanan, membeli dan memajukan tanah, perusahaan pertanian dan kemajuan ladang. Kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Pertanian Malaysia adalah di antara 7% hingga 12% setahun berdasarkan kepada jumlah dan jenis pinjaman. Faedah ini adalah dikira ke atas baki bulanan yang semakin kurang (monthly reducing balance) dan oleh itu kadar faedah efektifnya adalah lebih rendah.

RISDA pula telah ditugaskan untuk mengurus bantuan menanam semula secara langsung kepada pekebum-pekebum kecil getah khususnya pekebum-pekebum kecil yang mempunyai tanah yang kurang daripada 100 ekar. Ini termasuklah memberikan bantuan secara langsung kepada pekebum-pekebum kecil getah yang hendak menanam kelapa sawit, kopi, limau, teh, kelapa dan lain-lain.

Lembaga Pertubuhan Peladang pula bertugas untuk memberi bantuan dalam bentuk wang pinjaman tanpa faedah dan bahan input pertanian seperti baja, benih, racun serangga dan traktor kepada Koperasi Peladang, Persatuan Peladang dan Syarikat-syarikat Kerjasama di seluruh Malaysia Barat. Manakala Koperasi Peladang pula memberi pinjaman kepada ahli-ahlinya untuk mengusahakan tanaman kontan seperti tembakau, ubikayu, kacang tanah, pisang, nenas dan lain-lain lagi. Ahli-ahli Koperasi dikenakan bayaran perkhidmatan di antara 4% hingga 6% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perjalanan Lembaga ini adalah teratur dan baik tetapi adalah nyata bahawa kegiatannya terbatas kepada 4 buah negeri sahaja. Juga Lembaga ini merupakan sebuah organisasi yang kecil dengan mempunyai sebuah pejabat di Kuala Lumpur dan kakitangan rendah seramai 6 orang sahaja. Kegiatannya tidak boleh diperluaskan lagi melainkan kawasan operasinya diperluaskan keseluruh Malaysia. Wang peruntukannya ditambah dan cawangan-cawangannya yang baharu ditubuhkan. Walau bagaimanapun

perkembangan ke arah ini akan menimbulkan panduan tugas di antara Lembaga Pinjaman Pekebun dan Bank Pertanian Malaysia. Oleh yang demikian, adalah wajar tindakan diambil untuk membubarkan Lembaga ini dan semua harta-harta tanggungan dan kakitangan-kakitangannya diserahkan kepada Bank Pertanian Malaysia. Bank Pertanian Malaysia adalah Badan Berkanun yang sangat sesuai sekali untuk diserahkan tugas Lembaga Pinjaman Pekebun kerana ia memberi pinjaman kepada semua pekebun kecil tanpa mengira kaum dan tidak pula membataskan pinjaman untuk sebarang tujuan pertanian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun, membubarkan Kumpulanwang Pinjaman Pekebun yang ditubuhkan di bawah Enakmen tersebut, memindah milik dan meletak hak semua harta dan tanggungannya kepada Bank Pertanian Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.03 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini bagi diluluskan, akan tetapi saya mohon Yang Berhormat Menteri menimbangkan.

Kumpulanwang yang terkenal bernama dengan kumpulanwang 'B' bagi bantuan tanah yang di bawah 100 ekar iaitu sebagaimana dikatakan tadi ditubuhkan pada tahun 1915 dan pada hari ini dibawa Bil bagi dibubarkan. Walaupun dalam Bil ini ada dinyatakan tuan-tuanpunya tanah yang kurang di bawah 100 ekar ertinya 99 ekar boleh meminjam di Bank Pertanian dengan kadar faedah di antara 7% hingga 12% setahun tetapi pada masa Bil ini

belum digubalkan mereka mendapat pinjaman daripada Kerajaan dengan kadar faedah yang paling murah. Sekarang ini dengan sebab ada Bil ini dan mungkin kumpulanwang itu atau peraturan kumpulanwang itu akan dibubarkan, dimansuhkan maka terserahlah kepada tuan-tuanpunya tanah yang di bawah 100 ekar ini meminjam kepada Bank Pertanian dengan kadar faedah sebagaimana yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, tuan-tuanpunya tanah yang kurang daripada 100 ekar tidak boleh dipanggil pekebun kecil oleh sebab dia memiliki lebih daripada 99 ekar dan dia tidak boleh dikatakan tuan tanah sebagai mempunyai estet sebab dia kurang daripada 100 ekar dan kalau sekiranya mereka hendak memajukan tanah ini kebanyakannya ialah tanah-tanah getah dan kalau tidak ada kemampuan mereka boleh meminjam daripada bank.

Saya setuju undang-undang kumpulanwang yang lebih terkenal dengan kumpulan 'B' yang ada modal sebanyak \$4 juta itu dibubarkan kerana ia terhad kepada 4 buah negeri sahaja iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dan ditubuhkan pula pada tahun 1915, akan tetapi apabila undang-undang kumpulanwang itu dibubarkan maka tuan-tuan punya tanah yang di bawah 100 ekar ini yang tidak boleh masuk dalam kumpulan pekebun-pekebun kecil terpaksa meminjam dengan kadar yang mahal, tidak ada bank sekarang ini yang memberi pinjaman 7%, tidak kurang daripada 10% atau 11% mungkin 12% kepada tuan punya tanah yang mesti diusahakan selama 6 tahun barulah boleh mendapat hasil daripada tanah yang diteroka dengan pinjaman wang daripada bank tadi. 6 tahun dengan tidak dapat membayar faedah kerana tidak ada hasil tanah mereka itu. Selepas 6 tahun apabila dicampurkan pinjaman dan faedah yang berturut pada tiap-tiap tahun maka inilah yang menyusahkan tuan punya tanah yang memiliki di bawah 100 ekar, kerana sebagaimana kita maklum getah pada tahun yang ke 7 kalau ditoreh ia tidak lagi memberi susu yang pekat, dia mesti mencapai umur pokoknya antara 8½ ke 9 tahun ke atas baru dia mempunyai susu yang pekat, yang berat. Kalau sekiranya

selepas daripada 6 tahun ditoreh ia mengeluarkan susu yang sama, tetapi berat timbangannya berbeza.

Jadi inilah pandangan saya kepada Kerajaan supaya menimbangkan tanggungjawab tuan punya tanah yang kurang daripada 100 ekar. Apabila tanah mereka hendak ditanam semula terpaksa pergi ke Bank Pertanian sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan kadar faedah yang mahal sehingga 12% dan menunggu 6 tahun, mungkin 7 tahun dan kadangkala 8 tahun, jikalau tidak cermat, tidak dijaga dengan sempurna pokok-pokok itu baru boleh ditoreh mengeluarkan hasil. 8 tahun ini Bank Pertanian terpaksa menggunakan, meletakkan faedah bunga atau faedah peratus daripada pinjaman ini. Inilah perkara yang saya rayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan dengan kadar faedah yang lebih rendah, umpamanya 4% atau 5% sehingga 6 tahun, selepas daripada itu bolehlah Bank Pertanian meletakkan faedahnya kepada angka yang lebih menasabah. Bank Pertanian juga ditubuhkan ialah menyahut seruan Kerajaan bagi memperbaiki kedudukan dan hasrat rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, tuan-tuan punya milik tanah 100 ekar ini tidak banyak, akan tetapi merata-rata terdiri dari kaum Tionghua, kaum India dan juga kaum Melayu kerana pada zaman dahulu, zaman penjajahan dahulu, bukan senang memiliki tanah, boleh jadi dasar penjajahan pada masa itu tidak akan memberi milik tanah yang lebih besar kepada rakyat negeri ini, tidak seperti sekarang, pada zaman penjajahan dahulu kakitangan Kerajaan cuma boleh memiliki 9 ekar tanah sahaja dan kalau mahu memiliki lebih daripada 9 ekar hendaklah ia diluluskan oleh Kerajaan Negeri, oleh EXCO negeri. Tetapi hari ini Kerajaan kita yang berjiwa rakyat telah membenarkan rakyat memiliki tanah, memiliki saham dan sebagainya, akan tetapi mereka ini tuan-tuan punya tanah yang di bawah 100 ekar atau yang lebih terkenal 99 ekar dan setengah daripadanya tanah-tanah sekarang ini sudah tidak dapat dijayakan. Jadi apa yang patut Kerajaan menimbangkan sekarang ini, pertama hendaklah berunding

dengan Bank Pertanian supaya mendapatkan faedah yang lebih rendah.

Yang kedua, boleh dapat subsidi dari mana-mana Badan Berkanun seperti RISDA dan sebagainya. Bantuan daripada RISDA kepada tanah-tanah pekebun kecil dalam tempoh 6 tahun ia tidak dikenakan faedah, hanya dikenakan harga kepada barang-barang pemberian kepada tuanpunya pekebun-pekebun kecil baik baja atau jenis pokok tanaman dan sebagainya. Jadi dengan keadaan yang ada sekarang ini, barang-barang mahal, alat-alat juga sukar didapati dan biasanya tuan-tuanpunya tanah yang di bawah 99 ekar ini dia tidak lumayan hidupnya, lebih-lebih lagi terpaksa tanah-tanah itu diteroka semula, ditanam semula dengan pokok yang baru, dengan baka yang baik bagi mendapatkan hasil yang lebih baik. Itupun mungkin dicapai tidak kurang daripada 7 atau 8 tahun. Jadi saya merayu kepada Kerajaan menimbangkan kalau dengan kadar yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi amat sukarlah tuan-tuanpunya tanah di bawah 100 ekar bagi membuat pembayaran di mana tanah-tanah itu akan diteroka semula kerana 6 tahun lamanya baru dapat mengeluarkan hasil.

Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini bagi diluluskan kerana tidak menasabah satu Bil atau undang-undang cuma mengenai empat buah negeri sahaja sedangkan kita mempunyai 14 buah negeri dalam Malaysia sekarang ini. Akan tetapi dengan pembubaran Undang-undang Kumpulanwang yang lebih terkenal dengan nama Kumpulanwang Pinjaman Pekebun maka tuan-tuanpunya tanah yang saya sebutkan tadi terpaksa meminjam daripada mana-mana bank terutama Bank Pertanian dengan faedah dan kadar yang lebih baik dan tinggi.

Saya mohon merayu kepada Kerajaan bagi kepentingan tuan-tuanpunya tanah yang di bawah 100 ekar yang bukan sahaja dimiliki oleh orang Melayu tetapi dimiliki juga oleh lain-lain bangsa dapat pertimbangan dan dengan faedah dan kadar yang sepatutnya dan apa-apa lagi yang difikirkan menasabah kerana musnahnya Bil ini bukanlah dengan kehendak mereka. Musnahnya Bil ini ialah dengan kehendak Kerajaan melalui Dewan

Rakyat dan Dewan Negara. Jadi kitalah yang memusnahkan dan tidak patutlah akibat kemusnahan itu terlibat kepada orang yang mempunyai tanah.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditempokkan selama 30 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.14 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.49 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Yap Peng.

4.49 ptg.

Dato' Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran), 1981. Terutama sekali saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan ke atas usahanya terhadap tindakan ini kerana dengan berbuat demikian Kerajaan akan dapat memusatkan bantuan dan pertolongan kepada kaum peladang melalui badan-badan yang telah ditubuhkan khas untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada semua peladang di seluruh negara.

Sukacita saya mengambil kesempatan di sini untuk menegaskan bahawa tindakan Kerajaan ini adalah satu bukti bahawa Kerajaan adalah ikhlas dan jujur terhadap hasratnya untuk menolong kaum petani. Bantuan Kerajaan dari segi kewangan dan lain-lain adalah satu perkara yang patut dipuji-pujikan. Akan tetapi pada hemat saya selain daripada bantuan-bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan badan-badan yang lain perlu juga mempergiatkan kegiatan-kegiatan mereka supaya kaum petani khususnya dapat menikmati faedah-faedah. Dengan demikian secara tidak langsung Negara Malaysia pun bertambah maju.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bantuan dari segi kewangan kaum-kaum petani kita khususnya mereka yang mempunyai ladang kecil-kecilan memerlukan berbagai-bagai pertolongan seperti nasihat teknikal tentang pilihan benih, kegunaan baja yang bersesuaian, ubat-ubat serangga yang bersesuaian dan sebagainya. Untuk memenuhi keperluan mereka ini saya berpendapat bahawa koperasi-koperasi peladang boleh memainkan satu peranan lebih luas dan yang lebih berkesan lagi. Suka saya membuat cadangan supaya koperasi peladang perlu ditubuhkan di setiap daerah supaya dapat mengelolakan kegiatan-kegiatan peladang dan meningkatkan lagi peruntukan kaum-kaum petani.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan adalah bahawa sebagai tambahan kepada usaha-usaha kerajaan yang mana kaum-kaum sukarela boleh juga melibatkan diri dalam koperasi peladang ini supaya memberi nasihat teknikal tentang cara-cara bercucuk tanam yang moden, kegunaan baja-baja yang bersesuaian, ubat-ubat serangga yang bersesuaian dan sebagainya. Dalam corak pertanian di dalam negara kita terdapat di setiap daerah mereka yang berpengalaman dan yang beriktisas dalam bidang pertanian. Mereka ini adalah mereka yang memegang jawatan berurusan ladang dan berurusan ladang-ladang FELDA. Sukacita saya membuat cadangan bahawa mereka yang berkaliber ini boleh menawarkan bantuan mereka supaya menolong petani-petani di dalam peringkat daerah. Mereka boleh mengadakan mesyuarat dan seminar supaya berbincang tentang perkara-perkara yang berfaedah kepada kaum petani-petani.

Mengikut amalan sekarang kaum petani terutama mereka yang mempunyai ladang yang kecil-kecilan perlu bergantung berat kepada daya usaha dan tenaga. Ini adalah kerana mereka tidak mempunyai jentera-jentera yang moden supaya meringankan kerja-kerja mereka dan terus mempertingkatkan hasil pengeluaran. Suka saya mencadangkan bahawa koperasi peladang di peringkat daerah dapat memusatkan kewangan melalui yuran-yuran daripada petani-petani untuk mengadakan jentera-jentera pertanian yang ditempatkan di

dalam pejabat koperasi daerah. Jentera-jentera pertanian ini bolehlah digunakan oleh peladang-peladang mengikut giliran. Satu kemudahan lagi koperasi peladang peringkat daerah dapat menawarkan ialah dari segi pemasaran. Adalah didapati bahawa pada masa ini kaum petani merancangkan pertanian mereka mengikut corak pasaran. Jika didapati bahawa katakanlah buah tembikai menghasilkan harga yang tinggi maka semua peladang memusatkan tenaga mereka untuk menanam tembikai. Apabila buah tembikai ini masak untuk dikutip maka terdapat kelebihan tembikai di pasaran tempatan dan ini akan menyebabkan kemerosotan harga jualan yang akan membawa kesengsaraan kepada kaum petani khususnya mereka yang berkecil-kecilan. Di dalam hal ini koperasi peladang boleh mengadakan perbincangan di antara peladang-peladang supaya merancang jenis tanaman mereka untuk menentukan bahawa harga jualan mereka tidak begitu buruk.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah menjadi hasrat saya untuk berucap dengan lebih panjang lebar. Sekian sahaja dan suka saya menegaskan bahawa saya menyokong penuh tentang Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Pekebun (Pembubaran), 1981.

5.00 ptg.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memansuhkan Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun, membubarkan Kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah Enakmen tersebut dan memindahmilik semua harta dan tanggungannya kepada Bank Pertanian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca Enakmen ini saya tidak sangka yang Enakmen itu telah ditubuhkan pada tahun 1915 sebelumnya lahir seseorang pun daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan pada masa sekarang sedang lagi berkuatuksa untuk kepentingan pekebun-pekebun di empat negeri di negara kita yang pada masa itu dikenali sebagai Federated Malay States. Pada pendapat saya institusi ini telahpun ketinggalan zaman dan fungsi-fungsinya yang

begitu kecil yang ditinggalkan oleh penjajah cuma untuk "mulut disuap pisang, pantat dikait onak", patutlah dibubarkan oleh kerana institusi-institusi yang lebih besar dan **cekap telahpun ditubuhkan selepas negara kita merdeka.**

Selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, langkah ini amatlah cekap yang dilaksanakan oleh Kerajaan kita oleh kerana pada pendapat saya banyak institusi-institusi dan agensi-agensi Kerajaan yang ada pada masa ini aktiviti-aktiviti mereka sentiasa bertimbal-tindih di antara satu sama lain. Contohnya ialah Lembaga Pinjaman Pekebun ini yang dibentangkan untuk dibubarkan di Dewan yang mulia ini. Aktiviti-aktiviti Lembaga ini ialah memberi pinjaman pertanian kepada pekebun-pekebun kecil. Aktiviti-aktiviti ini juga dikendalikan oleh RISDA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga Bank Pertanian Malaysia. Di sini dapat kita lihat fungsi-fungsi bertimbal-tindih (overlapping function), agensi-agensi Kerajaan yang bukan sahaja bersaing (competing) di antara sendiri bahkan menggunakan tenaga manusia dan perbelanjaan yang patut disalurkan kepada aktiviti-aktiviti pembangunan yang disasarkan sebagai priority.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Lembaga Pinjaman Pekebun adalah cuma seperti dengan izin, a tip of the iceberg dalam masalah Kerajaan di segala-galanya dan saya amatlah bergembira dengan langkah-langkah Kerajaan memansuhkannya tetapi saya berharap Kerajaan kita akan mencungkil dan menganalisa lagi fungsi dan aktiviti institusi-institusi dan agensi-agensi lain untuk menentukan dasar mereka supaya overlapping aktiviti-aktiviti sebegini dapat juga dimansuhkan dan daya upaya kita tidak menjadi berlimpah dan membazir.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya mencadangkan Kementerian Kewangan patut mengkaji semua aktiviti-aktiviti agensi-agensi Kerajaan dalam hal ini termasuk UDA dan MARA, PERNAS dan SEDCs, MIDF dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad, HICOM dan Industrial Development Bank of Malaysia dan juga agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, RISDA, FELCRA, FAMA, FIMA dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Pertanian adalah satu organisasi yang telah ditubuhkan semata-mata untuk kesenangan kepada pekebun-pekebun dan peladang-peladang mendapat kredit pertanian. Institusi ini dilengkapi dengan pegawai-pegawai yang mahir dalam perkara pinjaman pertanian. Back-up service bank amatlah tinggi mutunya. Jika Kerajaan telah mengadakan institusi seperti ini, mengapakah pula tidak disalurkan semua aktiviti-aktiviti kredit pertanian yang sekarang dikendalikan oleh RISDA dan institusi-institusi lain kepada Bank Pertanian Malaysia sahaja? Dari segi kredit apa bezanya pinjaman-pinjaman untuk tanam getah, kelapa sawit, buah-buahan dan lain-lain pertanian yang memerlukan agensi yang lain daripada Bank Pertanian Malaysia?

Di dalam Laporan Kewangan untuk tahun berakhir 30hb Jun, 1979 saya dapati bahawa Lembaga Pinjaman Pekebun mempunyai baki sebanyak \$1.88 juta pinjaman yang belum diselesaikan oleh peminjam-peminjam. Saya berharap pihak Kerajaan apabila menghisab pengaliran harta yang cair ini peruntukan hutang lapuk patutlah ditolak dan juga jika perlu dimansuhkan. Di samping memindah-milik harta-harta tanggungan-tanggungan yang tidak dibukukan yang mesti disahkan supaya tanggungan-tanggungan itu tidak melibatkan harta-harta Bank Pertanian yang bersih daripada tanggungan-tanggungan yang luar jangka yang berkaitan dengan Lembaga Pinjaman Pekebun ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Bank Pertanian Malaysia pula saya berharap kesenangan-kesenangan yang diberikan kepada pekebun kecil seperti tempoh pembayaran termasuk "grace period" sebelum mula membayar balik janganlah dikurangkan tempohnya daripada syarat-syarat yang telah diberikan oleh Lembaga Pinjaman Pekebun iaitu tempoh pinjaman umpamanya 9 tahun termasuk 4 tahun tempoh penangguhan pembayaran balik (grace period).

Bagi pihak petani-petani pula, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mereka dapat menggunakan Bank Pertanian Malaysia untuk semua tanaman bukan hanya getah, kelapa sawit dan koko sahaja bahkan buah-buahan yang sekarang belum diacarakan dengan

besar-besaran seperti ladang durian, ladang mangga, limau, langsung, duku, rambutan, ciku dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sedikit sebanyak pandangan saya tadi, saya menyokong dengan penuhnya usul yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

5.08 ptg.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran), 1981 dan seterusnya menyuarakan sokongan saya terhadap hasrat Kerajaan seperti yang telah dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali sukacita saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan ke atas tindakan ini kerana sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi Lembaga Pinjaman Pekebun yang ditubuhkan pada tahun 1915 itu adalah hanya terbatas kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) sahaja iaitu negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Oleh yang demikian, adalah tidak adil jika dipandang dari segi negara kita sebagai sebuah negara yang merdeka pada ketika ini yang mempunyai 13 negeri-negeri, tindakan Kerajaan ini haruslah dialu-alukan kerana dengan pembubaran Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun, Kerajaan dapat menyamakan kemudahan-kemudahan untuk peladang-peladang ataupun pekebun-pekebun di seluruh Malaysia. Cadangan-cadangan Kerajaan ini terang ternyata bahawa Kerajaan Malaysia pada hari ini adalah sebuah Kerajaan yang berkemajuan, progresif dan adil yang sanggup membuat perubahan bagi menyesuaikan dengan keadaan dan masa.

Sebagaimana kita semua sedia maklum segala urusan yang telah dijalankan oleh Lembaga Pinjaman Pekebun akan dipindahkan kepada Bank Pertanian Malaysia. Selepas pembubaran Lembaga Pinjaman Pekebun ini, pada hemat saya tindakan ini tidak akan membawa sebarang kesan kepada pekebun-pekebun kerana

keperluan-keperluan dan pertolongan-pertolongan yang mereka perlukan akan harus diuruskan oleh Bank Pertanian Malaysia. Semasa saya berucap untuk menyokong tindakan Kerajaan ini saya mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkan satu dua perkara yang berkaitan dengan perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian.

Pada hemat saya ini adalah satu masa yang sesuai bagi saya membangkitkan perkara-perkara ini semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam usahanya untuk menggubal dasar-dasar pelepasan cukai yang baru untuk Ucapan Belanjawan beliau bagi tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin bercakap tentang industri kelapa sawit. Oleh kerana perkembangan dalam sektor pertanian kelapa sawit terutama sekali berkaitan dengan peluasan kawasan yang ditanam, hasil ataupun pengeluaran kelapa sawit pada tahun 1980 telah meningkat kepada 2.3 juta tan dibandingkan dengan 1.9 juta tan pada tahun 1979, ini merupakan pertambahan 20%. Akan tetapi jika dibanding dari segi pendapat eksport adalah didapati bahawa pendapatan eksport dalam kelapa sawit pada 1980 hanya meningkat ke paras \$2.63 billion dibandingkan dengan \$2.55 billion pada tahun 1979. Ini adalah tambahan sebanyak 3% sahaja. Pendek kata, sungguhpun pengeluaran kelapa sawit telah bertambah sebanyak 20% pada tahun 1980 dibandingkan pada tahun 1979 hasil pendapatan dari eksport cuma bertambah 3% sahaja. Ini adalah kerana harga kelapa sawit di dalam pasaran terbuka dunia tidak begitu stabil. Sungguhpun harga kelapa sawit di pasaran terbuka adalah satu perkara yang luar kawalan Kerajaan Malaysia, akan tetapi saya berpendapat bahawa beberapa langkah boleh diambil untuk menentukan bahawa harga kelapa sawit di pasaran terbuka adalah lebih stabil.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Kerajaan Malaysia perlu menambahkan kegiatan-kegiatan penyelidikan di dalam bidang kelapa sawit, terutama sekali bagi meninjau cara-cara untuk memperluaskan kegunaan kelapa sawit. Dengan berbuat demikian, keperluan kelapa sawit di dalam pasaran dunia akan bertambah dan dengan

bertambahnya keperluan harga jualan harus menjadi lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap dengan panjang lebar dan inilah sahaja.

Dato Mak Hon Kam: (*Bangun*)

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kenapa lambat bangun? Yang Berhormat Timbalan Menteri telah bangun, baru hendak bangun!

Dato' Haji Mahmoud Salim Mohamad: Boleh saya berucap?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh, tetapi lain kali jangan terlampau lambat.

5.18 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang beri peluang saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita sekarang ini iaitu suatu Akta bagi memansuhkan Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun.

Saya cuma hendak menyentuh dua tiga perkara sahaja, kerana perkara-perkara yang asasi telahpun disentuh oleh Yang Berhormat rakan-rakan saya yang terdahulu daripada saya. Sebagaimana yang diterangkan di dalam Undang-undang ini, Undang-undang ini adalah mengenai dengan pekebun-pekebun kecil yang kebunnya di antara sembilan ekar sampai sembilan puluh sembilan ekar tidak mengenai kebun-kebun yang ke bawah dari sembilan ekar. Jadi, nampaknya Undang-undang ini tidaklah terlibat banyak kepada pekebun-pekebun kecil yang benar-benar menjadi pekebun-pekebun kecil. Pekebun-pekebun kecil di Malaysia ini yang banyaknya ialah pekebun kecil yang getahnya kurang daripada sepuluh ekar. Inilah yang kebanyakannya, lebih-lebih lagi di negeri-negeri di Pantai Timur seperti Trengganu dan

Kelantan. Maka saya sebagaimana juga kawan-kawan saya yang lain adalah menyokong undang-undang ini kerana undang-undang ini melibatkan pekebun-pekebun kecil yang pada nama sahaja kerana mereka itu yang sebenarnya adalah pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kebun-kebun yang besar. Dan sejarah undang-undang ini pun memang begitu tua dan lama daripada tahun 1915 yang mempunyai wang sampai sekarang ini \$4 juta hendak dimasukkan dan hendak diserapkan ke dalam Bank Pertanian. Ini adalah bagus dan saya percaya langkah yang baik ini akan mendatangkan kebajikan kepada rakyat Malaysia. Apa yang saya hendak kata ini ialah berkenaan dengan pekebun-pekebun kecil yang ke bawah daripada 10 ekar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini di dalam zaman kemajuan Malaysia, zaman pembangunan perindustrian, maka pekebun-pekebun kecil sudah ketinggalan, boleh dikatakan Malaysia sekarang ini mengalami satu zaman kemajuan yang tidak disangka, yang tidak dijangka pada masa dahulu ia itulah jalan ke kampung-kampung telah begitu banyak dan lumayan, kampung-kampung sekarang ini disambung dengan lampu-lampu elektrik dan dibuka dengan pesatnya. Maka orang-orang kampung yang pada masa dahulu semasa negara kita belum mencapai taraf kemerdekaannya berada di dalam semak, tidak ada jalan jalanraya yang menghubungkan di antara satu daerah kepada satu daerah yang lain, kebanyakan mata pencariannya adalah menumpukan kepada tanaman pertanian. Tetapi dengan adanya kemajuan yang ada sekarang ini mereka itu sudah mengalih tujuannya lebih-lebih lagi belia-belia kampung yang telah mendapat pelajaran daripada sekolah. Mereka sekarang ini tidak lagi mahu mengikut jejak langkah orang-orang tuanya, mereka mahu supaya mata pencariannya ataupun pekerjaannya berubah daripada pertanian kepada kerja perkeranian dan sebagainya, sebab itulah juga masa sekarang ini walaupun pihak RISDA telah mencurahkan wangnya begitu banyak kerana memajukan kebun pekebun-pekebun kecil, tetapi masih didapati di dalam negeri-negeri di dalam Malaysia ini terlampau banyak tanah-tanah yang boleh ditebang pokok-pokok getah tua ini.

Saya biasa pergi ke kampung-kampung dan saya bertanya kepada orang-orang kampung kenapa mereka tidak mahu menebang pokok-pokok getah tua ini pada hal bantuan yang diberi oleh RISDA sekarang ini lebih daripada \$2,000 satu ekar. Kadang-kadang harga \$2,000 ini melebihi harga tanah itu sendiri, mereka menjawab katanya kalaulah mereka tebang pokok-pokok getahnya maka kadang-kadang hartanya terancam tidak ada siapa yang hendak menanam semula. Walaupun bantuan diberi sampai \$2,000 tetapi bukan sekali gus diberi, dengan jalan beransur-ansur atau beruncit-runcit. Kadang-kadang katanya upah menanam, upah menebas dan sebagainya tidak ada orang yang hendak pergi mengambil upah. Dan kalau kebun kita sedang naik menjadi kebun getah yang baik, walaupun getah itu getah baka baik, getah kahwin tidak ada orang yang hendak menoreh dengan sebab belia-belia sekarang ini menumpu dan berhijrah kepada bandar-bandar. Ini satu penyakit, tetapi walau macam mana pun pihak RISDA adalah menumpu usaha tenaganya supaya usahanya di dalam memajukan getah ini tidak terhenti setakat itu melainkan dengan bermacam-macam cara.

Cara yang baru dibuat iaitu memberi bantuan kepada anak-anak pekebun kecil pula dengan mendirikan asrama-asrama di bandar-bandar untuk ditempatkan anak-anak pekebun kecil itu menyambung pelajarannya dan ada kalanya memberi scholarship supaya anak-anak pekebun kecil ini melanjutkan pelajaran hatta keluar negeri sekali pun, langkah ini adalah baik dan bagus.

Saya memang mengucapkan syabas, tetapi pada hemat saya langkah yang seumpama ini tidak mendatangkan hasil kepada tanaman pekebun-pekebun kecil itu sendiri, dengan sebab anak-anak yang dihantar ke sekolah ini apakala balik kelak mereka daripada universiti ataupun tempat-tempat pengajian tinggi mereka sama sekali tidak akan mahu mengambil bahagian di dalam pertanian, apatah lagi menoreh getah. Jadi pada hemat saya lebih baiklah kalau RISDA ini mengadakan maktab sebagaimana yang diadakan oleh MARA, ITM yang diadakan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan sebagainya diadakan maktab, diadakan satu pusat pengajian di situ diambilkan anak-anak

pekebun-pekebun kecil dilatih mana-mana anak-anak pekebun kecil yang ada mempunyai semangat dan jiwa yang kasihkan kepada pertanian dilatihkan dia, diberi pelajaran ditunjuk ajar, ditanam semangat kepada mereka itu bagaimana cara-caranya hendak menoreh getah, bagaimana cara-caranya menjalankan pemasaran getah, bagaimana cara-caranya membuat perhubungan perniagaan getah dan sebagainya. Jadi dengan menanamkan semangat kasih sayang di dalam jiwa anak-anak pekebun kecil di dalam bahagian getah ini, apakala mereka balik ke kampung, mereka akan menjadi penganjur di dalam kampung ini di dalam hal getah, merekalah yang akan memimpinkan orang-orang kampung supaya getah-getah yang terbiar tidak bertoreh itu diusahakan, dialah yang akan memimpin mereka itu sekalian.

Inilah yang mendatangkan faedah pada hemat saya, tetapi dengan cara yang ada sekarang ini anak-anak pekebun getah dari kampung-kampung itu ditempatkan di dalam satu asrama di bandar-bandar yang mana berminat di dalam lapangan sains, belajarlah bahagian sains, yang minat di dalam bahagian vokasional belajarlah di bahagian vokasional, yang berminat di dalam bahagian sastera, sasteralah dia, maka kanak-kanak ini akan menyambungkan pelajarannya sampai ke universiti. Jadi apakala dia keluar kelak bukannya dalam bahagian pertanian, tetapi di dalam jurusan lain, bukan dia akan menjadi tauladan di dalam bahagian perkebunan, bukan juga dia menjadi tauladan di dalam bahagian pertanian. Dia adalah menunjuk tauladan di dalam jurusan yang lain, maka apakala dia menunjuk tauladan di dalam jurusan yang lain, orang-orang kampung akan ikut dia pula maka makin bertambahlah mereka meninggalkan pertanian, akhirnya negeri Malaysia kita ini akan berubah corak. Saya fikir tidak lagi akan menjadi negara pertanian, tetapi akan menjadi negara perindustrian ataupun negara perusahaan sebagaimana Singapura jugalah dengan sebab kebun-kebun ini tidak lagi dikerjakan oleh pekebun-pekebun kecil.

Pada fikiran saya oleh kerana pekebun-pekebun kecil ini diberi kemewahan oleh RISDA pada masa sekarang terlampau

lumayan sekali apalah salahnya pihak pemimpin-pemimpin RISDA ini dan pemimpin-pemimpin Persatuan Peladang dan pemimpin persatuan pekebun-pekebun kecil sendiri bermesyuarat di antara satu sama lain bagaimana cara-cara hendak menghidupkan tanaman getah, tanaman yang sedang diperjuangkan oleh RISDA pada masa sekarang ini.

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua menyuruh saya bercakap pendek, jadi saya fikir sekadar itulah syor saya yang akhir ini. Sekianlah sahaja, terima kasih.

5.30 ptg.

Dato Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap cadangan untuk membubarkan Lembaga Pinjaman Pekebun semasa perbahasan sebentar tadi. Semasa perbahasan berbagai-bagai pandangan dan cadangan telah diutarakan. Sukacita saya menegaskan bahawa cadangan-cadangan itu akan diambil perhatian dan akan disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Dato Yap Peng telah menurunkan beberapa cadangan supaya petani-petani terutama sekali petani-petani kecil-kecilan boleh menikmati lebih faedah dari segi pengeluaran dan hasil. Cadangan ini sememangnya adalah satu cadangan yang baik yang akan saya sampaikan kepada pihak berkenaan. Namun demikian sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada rakyat Malaysia supaya mempergiatkan kerjasama mereka bukan sahaja dalam bidang pertanian bahkan juga dalam semua bidang yang lain supaya dapat menambahkan faedah untuk mereka dan juga kepada negara keseluruhannya.

Cadangan dan teguran dari Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain juga diambil perhatian dan begitu juga pandangan dari Yang Berhormat Senator Dato Haji Mahmoud Salim Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato Haji Mohd. Nor Mohamad telah menyentuh tentang keperluan untuk menganalisa supaya menentukan bahawa fungsi-fungsi berbagai

Perbadanan tidak over-lapping. Sukacita saya katakan bahawa perkara ini memangnya adalah dalam perhatian pihak Kerajaan. Pandangan Yang Berhormat bagi pihak Bank Pertanian juga akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Senator Loo Swee Mok telah mencadangkan beberapa tindakan dan langkah yang perlu diambil oleh pihak Kerajaan supaya menstabilkan harga kelapa sawit di dalam pasaran dunia. Saya sangat menghargai cadangan itu akan tetapi sukacita saya menegaskan bahawa Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk menentukan bahawa harga pasaran kelapa sawit akan menjadi lebih kukuh. Antaranya adalah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu pusat pertukaran perdagangan untuk komoditi. Apabila tercapai matlamat usaha ini saya percaya harga kelapa sawit di dalam pasaran dunia akan bertambah baik.

Tentang penyelidikan yang perlu diperluaskan supaya memperluaskan kegunaan kelapa sawit, sukacita saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan sentiasa menjalankan penyelidikan supaya memperluaskan kegunaan bukan sahaja bagi kelapa sawit bahkan juga kepada pengeluaran-pengeluaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum kandungan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian merupakan cadangan-cadangan. Tidaklah perlu saya memberi huraian yang lebih panjang lebar dan sekali lagi sukacita saya menyatakan bahawa perhatian akan diberi kepada cadangan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) 1981 bagi bacaan kali kedua dan ketiga. Tujuan Undang-undang ini ialah bertujuan seperti berikut:

- (i) Untuk memberi kuasa kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Kerjaraya, Jabatan Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan menguatkuasakan peruntukan Seksyen 61 dan 70A Undang-undang Lalu Lintas Jalan 1958 secara yang lebih berkesan lagi;
- (ii) Untuk melindungi agensi-agensi yang berkenaan dengan kuasa yang sepatutnya semasa melakukan penguatkuasaan ke atas Seksyen-seksyen tersebut;
- (iii) supaya agensi-agensi yang berkenaan dapat mengadakan cara-cara dan strategi-strategi untuk mengatasi masalah penggunaan jalan-jalan raya yang belum siap di masa hadapan; dan
- (iv) dengan adanya pindaan ini dan penguatkuasaan yang lebih teratur jadal pelaksanaan projek pembinaan jalanraya Persekutuan

akan dapat diikuti dengan sebaik-baiknya dan dengan demikian dapat menentukan kawalan ke atas kos pembinaan jalanraya-jalanraya berkenaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa ini Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sedang bergiat membina beberapa batang jalanraya bagi meninggikan lagi taraf sistem pengangkutan di negara ini. Beberapa masalah telah dan sedang dihadapi oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri kerana jalan-jalan yang sedang dalam pembinaan tersebut telah dicerobohi dan digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat umpamanya lori-lori balak. Pihak agensi penguatkuasaan seperti polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan tidak dapat memberhentikan atau mencegah lori-lori tersebut dari menggunakan jalan-jalan yang sedang dibina oleh kerana mereka tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 61 dan 70A di tempat-tempat jalan yang sedang dibina. Akibat pencerobohan-pencerobohan tersebut Kerajaan telah kerugian berjuta-juta ringgit dan jadual pelaksanaan projek pembinaan jalanraya-jalanraya tersebut telah tergendala. Oleh itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perhubungan telah memutuskan tindakan yang sesuai diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah penggunaan jalan-jalanraya yang belum siap tersebut oleh kenderaan-kenderaan berat terutamanya lori-lori balak. Ekoran dari keputusan tersebut beberapa siri mesyuarat telah diadakan di peringkat pegawai dan keputusan telah diambil bahawa sebaik-baik cara bagi mengatasi masalah tersebut pada masa ini dan juga masa hadapan ialah dengan membuat pindaan ke atas takrif perkataan jalanraya dalam Undang-undang Lalulintas Jalan 1958, supaya tindakan penguatkuasaan dapat dijalankan atas jalan-jalan yang sedang dibina juga.

Dalam Seksyen 2, Undang-undang Lalulintas 1958 Jalan raya adalah ditakrifkan sebagai berikut, *dengan izin*;

“Road means:

(a) any public road and other road to which the public has access;

(b) for the purposes of sections 14 to 24 and Part V of this Ordinance, “road” in relation to use means—any such road maintained at the public expense”.

Ini bermakna jalanraya-jalanraya yang sedang dibina telah terangkum di bawah seksyen ini. Penguatkuasaan yang sewajarnya dengan ini tidak dapat dijalankan. Oleh yang demikian, adalah perlu pindaan undang-undang ini dibuat terutama mengenai tafsiran jalanraya itu sendiri bagi memperluaskan maksudnya untuk merangkumi jalan-jalan yang sedang dibina supaya Seksyen 61 dan 70A boleh dikuatkuasakan. Pindaan kepada tafsiran jalanraya ini dilakukan dengan menambah maksud jalan-jalan yang sedang dibina kepada peruntukan Seksyen 2 perenggan (b) seperti berikut:

“(b) in relation to use for the purposes of sections 14 to 24 and Part V of this Ordinance, any such road maintained at the public expense, and, for the purposes of sections 61 and 70A, include a road under construction and the side tables thereof.”.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.46 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya orang tiada hendak membahas (*Ketawa*), biarlah saya mempelopori sebagaimana tadi saya mengakhiri perbahasan Undang-undang

Pekebun Kecil, saya juga mempelopori perbahasan Undang-undang Lalulintas Jalan 1958.

Saya adalah menyokong pindaan-pindaan yang dibuat di sini. Tetapi sebelum daripada saya memberi ulasan saya, saya juga sedikit merasa dukacitalah sebagaimana yang lepas-lepas naskhah sahihnya dalam bahasa Inggeris undang-undang ini. Di depan kita ini ada lima buah undang-undang yang hendak dipertimbangkan. Ada yang naskhah sahihnya dalam bahasa Inggeris ada yang naskhah sahihnya dalam Bahasa Malaysia. Tetapi naskhah sahih dalam bahasa Inggeris di sini tiada terjemahan dalam Bahasa Malaysia. Sebaliknya, di dalam naskhah sahih bahasa Inggeris, di dalam Rang Undang-undang Peruntukan Di Raja dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya 1957 semuanya

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Ada naskhah dalam Bahasa Kebangsaan.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Ya, ada tetapi diperturunkan perkataan Inggeris itu 100% tanpa huraiannya. Macam Seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 adalah dipinda dengan menggantikan takrif "road" dengan yang berikut:

" 'road' means—

(a) any public road and any other road to which the public has access;"

Tetapi kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya ini boleh kita lihat, apa kata dia, Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, yang disebut "Akta ibu"—tidak dikatakan principal Act—diterjemahkan Akta ibu dan bunyinya "Jadual-jadual Pertama dan Kedua", tidak dikata sebagaimana bahasa Inggeris tetapi diterjemah dalam Bahasa Malaysia.

Saya cuma memberi ulasan berkenaan dengan terjemahan sahaja. Kalau dibuat ini di dalam tafsiran Bahasa Malaysia, apalah salah hak yang bahasa Inggeris itu disebutkan dalam Bahasa Malaysia kemudian Huraian bahasa Inggeris itu Inggerislah sebagaimana dibuat di dalam Undang-undang Suruhanjaya

Pilihanraya itu. Jangan sekali dalam Undang-undang ini diperturunkan perkataan Inggeris tidak diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia, hak yang pindaan itu. Tetapi satu undang-undang yang lain apa yang dipinda itu diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia, itu yang saya musykil, padahal kesemua undang-undang itu terbitnya daripada satu punca sahaja, bukan orang lain buat, semua daripada Peguam Negara belaka. Semuanya dibawa di sini belaka, fasal apa boleh jadi begitu. Ini perkara silly mistake sahaja tetapi tak apalah perkara ini jangan berlaku di situ. Apalah salahnya kalau kita buat terjemahan dalam Bahasa Malaysia.

Berkenaan dengan jalanraya ini, Tuan Yang di-Pertua, betullah sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri pada masa sekarang ini Kerajaan rugi berjuta-juta ringgit dengan sebab undang-undang yang ada ini tidak lengkap. Undang-undang yang ada memberi kebenaran membuat jalan-jalanraya tetapi kesalahan-kesalahannya itu tidak meliputi, seumpamanya jalanraya yang baru dibuat, apakala dibuat tidak ditegaskan seumpama lori-lori balak ataupun lori-lori kelapa sawit lalu di atas jalan itu sebelum dibuka dengan rasmi seperti yang berlaku kepada lebuhraya di antara Jerangau-Trengganu dengan Kuantan. Jalan ini baru dibuat yang memakan belanja entah berapa juta ringgit saya pun tidak tahu, jalannya cukup cantik, lurus, tetapi kalau kita pergi lalu sekarang ini didapati inilah jalan yang paling buruk, ada dengan lubang-lubangnya, ada dengan lekuk-lekiknya, ada dengan pecah-pecahnya, kadang-kadang kalau kita tersalah sahaja kita akan termasuk semacam di dalam satu gaung gayanya. Apa sebab? Katanya dengan sebab ia dilalui oleh lori-lori balak sebelum daripada dibuka, jadi itu satu perkara ajaib. Jalan yang begini cantik yang memakan belanja beratus-ratus million ringgit dibuat, tiba-tiba dibenarkan lori-lori balak dan sebagainya menggunakannya sebelum daripada sampai masanya. Sekarang ini jalan ini sudah rosak binasa, siapa yang hendak menanggung ganti, kerugian itu atas siapa letaknya, adakah atas Jabatan Kerjaraya ataupun ke atas kontraktor yang membuat jalan itu, saya pun tidak tahu. Tentulah saya fikir masing-masing membuang kesalahan itu ke atas bahu orang lain, pihak kontraktor kata

ini bukan kesalahan saya, saya sudah buat jalan dengan bagus, tiba-tiba telah dilalui oleh lori-lori balak, itu bukan kuasa saya. Nanti Jabatan Kerjaraya kata apa boleh buat, jalan ini belum saya terima lagi, barangkali akan berlaku begitu. Maka akan berekor sampai ke mana saya pun tidak tahu dan boleh jadilah akan berlaku kepada satu pakatan (compromise) yang melibatkan wang negara beratus-ratus milion ringgit.

Jadi dengan adanya pindaan yang seumpama ini maka ini adalah satu perkara yang baik, kelak nya jalan-jalanraya yang seumpama ini sebelum daripada sampai masanya maka tidak dibenarkan mana-mana kenderaan melaluinya. Kalau sekiranya dilaluinya adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum, sama ada hukuman penjara ataupun hukuman denda tetapi timbul pula satu masalah. Betullah begitu kalau sekiranya jalanraya yang baru dibuat dilalui oleh pihak kenderaan balak dan sebagainya mereka adalah salah tetapi kalau sekiranya kelengahan itu ataupun kekecehan itu terbitnya daripada pihak Jabatan Kerjaraya apa hendak kata.

Telah didapati, Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Kerjaraya apakala dia membaiki jalan-jalanraya, lebih-lebih lagi tatkala membaiki jambatan-jambatan maka dengan sebab kecuaiannya tanda-tanda di jambatan itu kadang-kadangnya isyarat api yang patut diletakkan di situ padam, maka menyebabkan lori-lori akan terperesok di dalam jambatan itu, motokar-motokar akan terjerumus di situ. Kesalahan itu patut ada dalam undang-undang yang seumpama ini, maknanya cuai di dalam kedua pihak. Kalau kecuaiannya itu daripada pihak lori-lori, maka lori-lori ini akan melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang ini. Maka kalau kesalahan itu daripada pihak Jabatan Kerjaraya, orang yang bertanggungjawab itu mesti juga didenda, barulah adil, tetapi kalau didiamkan begitu sahaja saya fikir macam mana ini, ini berat sebelah. Saya fikir tentu tidak ada dalam undang-undang ini perkara yang seumpama ini. Ini saya beri ingatan sahaja. Maka saya harap kalau sekiranya tidak ada dalam undang-undang begitu saya berharap pihak Kementerian mestilah memberi satu directive yang kuat kepada

Pengarah Kerjaraya di dalam tiap-tiap negeri jangan cuai macam itu.

Di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat di sini pada akhir tahun lepas saya menginap di Hotel South East Asia. Di hadapan jalanraya saya hendak masuk itu ada lubang, maka orang letak satu batang kayu tanda "ini lubang". Saya pun hairan macam mana di dalam Kuala Lumpur yang seumpama ini di tengah-tengah jalanraya itu ada berlubang, kemudian letak satu kayu macam itu. Inilah satu perkara yang tidak bertanggungjawab. Kalau di depan Hotel South East Asia, hotel yang begitu besar berlaku lubang macam ini, ambil kayu sahaja, patut mestilah ada tanda beri awas ataupun beri amaran (warning) jangan lalu, bukankah bagus begitu ataupun ubah dengan legek (drum) dan sebagainya. Inilah perkara-perkara yang berlaku seumpama ini. Jadi saya harap kekecehan yang seumpama ini tidak berlaku lagi di pihak Jabatan Kerjaraya lagi.

Satu daripada bendanya, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang tidak sempurna jalan-jalan kita di sini ialah ada satu pepatah orang Trengganu, dia selalu berkata kalau orang itu tak hirau orang lain dia kata ini masalahnya seumpama:

Pak Itam nana, Pak Kassim dogol;
Pak Itam tak kenal, Pak Kassim tak tegur.

Itu ibaratnya. Jadi orang di dalam Jabatan Kerajaan begitu gayanya. Kalau orang ini kerjanya Mandor, hal Mandor dia sahaja. Kalau Overseer dia tidak peduli, ini kerja Mandor punya fasal, itu perkara Bandaraya dan sebagainya. Kalau Kerani lagi dia tak peduli pada hal dalam perkara Jabatan Kerajaan adalah kita mempunyai collective responsibility, memang tanggungjawab bersama, daripada Peon, daripada Kerani sampai kepada atasnya mestilah kalau ada satu kesilapan ataupun satu benda yang patut diawasi mesti dia memberitahu sepatutnya tetapi apa yang berlaku—tidak.

Saya hendak bercerita di dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, Satu masa di Kuala Trengganu pihak pemaju perumahan telah membuat gali di tengah-tengah jalanraya ini kerana hendak menyambungkan paip air. Kemudian apakala sudah digali di tengah jalanraya itu dia pun tutup, sudah tentulah dia

tutup dengan batu yang ada itu, tetapi ini tidak. Apakala jalanraya itu digunakan oleh kereta-kereta, digunakan oleh motosikal dan basikal maka batu-batu itu terbongkarlah dengan sendirinya melanting, pada akhirnya sudah jadi lubang balik. Pada malam hari tidak ada lampu, berapa banyak motosikal yang telah terjerumus ke situ, ada orang yang bengkok, macam-macam cerita. Beritahu kepada pihak Polis, kata nantilah, tak datang. Beritahu Jabatan Kerjaraya, mereka kata nantilah. Jadi orang ini kata nantilah, nantilah, berapa banyak hamba Allah yang telah terkena. Itulah cara gayanya tetapi mujur orang-orang Trengganu itu tidak mengambil apa-apa tindakan. Kalau sekiranya orang-orang yang terkena itu barangkali orang Amerika ataupun orang England saya fikir bankrap Kerajaan didakwanya, diclaimnya di atas kerosakannya tetapi perkara sudah berlaku begitu sahaja. Ada yang luka di kepala pergi ke hospital, ada yang luka ditubuh pergi ke mudim dan sebagainya, apa boleh buat, nasib katanya. Jadi begitulah keadaannya, di dalam masalah jalanraya ini terlampau banyak kerumitan-kerumitannya. Ini di dalam masalah merbahaya.

Di dalam membuat jalan-jalanraya, saya sudah bercakap di dalam Dewan ini di masa yang lepas, kita di dalam membuat jalan-jalanraya jangan kita ikutkan style British sangat, kita ikut style dunia sekarang ini. Banyak sangat tempat-tempat yang kita hendak cross yang menyebabkan kita kena berhenti, macam Jalan Tuanku Abdul Rahman ini selalu jam. Jadi oleh kerana banyak sangat jam, sudah jadi mainan kepada orang di sini, kita kata jam, dia kata bukan jam, butter (mentega). Jadi mainan pula. Apa boleh buat. Begitulah gayanya. Jadi mengapa tidak cari satu jalan yang boleh diluruskan.

Saya hairan, mengikut undang-undang yang hendak dipinda ini jalan-jalan kampung pun akan termasuk di sini. Jalan-jalan kampung biasanya dibuat oleh orang kampung ikut jalan kaki dia, berlempang-lempang macam ular. Apabila Kerajaan mengambil alih sekarang ini membuat jalan itu, ianya tidak dipinda apa-apa ikut lengkaran itu. Fasal apa tidak diperbetulkan? Ini kerana motokar hendak lalu, dahulu jalan kaki ataupun

basikal. Sekarang ini motokar, tidaklah boleh kita biarkan begitu lagi. Kalau patut bayar kepada tuan tanah, kita bayarlah. Takkanlah kita hendak biar macam itu. Pada akhirnya apakala jalan itu sudah jadi besar, Kerajaan akan mengeluarkan bermillion-million ringgit sebagaimana jalan yang ada di dalam Negeri Pahang sekarang apakala pihak British membuat jalan ianya banyak berliku-liku maka apakala sudah merdeka, terpaksa berliku-liku ini kita perbetulkan, buang itu, buang ini macam jalan baru sekarang ini. Sudah berapa banyak kita rugi. Di kampung-kampung akan jadi macam itu. Tetapi apakala kampung sudah menjadi besar, sudah menjadi bandar maka kita terpaksa pula betulkan jalan itu, buangkan itu, buangkan ini, ambil yang lurus. Jadi jikalau kita sudah tahu perkara ini akan berlaku begitu, kenapa kita tidak ambil sekarang. Boleh Kerajaan ambil selalu, ambil segera. Bayar ganti rugi kepada tuan-tuan tanah, buat jalan-jalan yang bagus, itulah caranya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah jalanraya ini, saya rasa itulah sahaja harapan saya. Walau macam manapun, saya menyokong undang-undang ini dan saya harap pihak Menteri yang berkenaan tolong timbangkan rayuan saya ini supaya disampaikan kepada pihak atasan dan ditimbang dengan sebaik-baiknya kerana saya terpaksa menyuarakan dengan ikhlasnya bagi pihak Ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dato Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin.

6.04 ptg.

Dato Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini iaitu untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan di atas istilah "road".

"Road" ini maknanya —

"(a) any public road and any other road to which the public has access;"

Dalam hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh saudara saya Dato' Haji Mahmoud Salim tadi nampaknya "road" ataupun jalan yang

kita gunakan sebagai istilah itu ada tiga jenis jalan raya ataupun "road". Yang pertamanya, ialah "Federal Road". Yang kedua, "State Road" dan yang ketiga, "Kampung Road".

Jadi saya hendak dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri iaitu di mana "road" yang dikatakan kerugian yang banyak yang telah rosak oleh sebab-sebab yang tertentu seperti jalan yang tidak diisytiharkan sudah siap dijalankan, adakah "Federal Road", "State Road" atau "Kampung Road". Saya tengok "Federal Road" ini jikalau rosak selalu didapati lekas diperbaiki, tetapi jikalau "State Road" terpaksa menanti giliran yang begitu lama. Jikalau "Kampung Road" boleh dikatakan semua naik semak, naik hutan balik, barulah dapat ditebas balik. Tetapi maintenance yang didapati adalah datangnya daripada Federal yang kemudiannya diberi kepada State dan State kepada daerah untuk "maintenance of the roads."

Kita tahu undang-undang ini telah dipinda dan dibawa ke Dewan pada hari ini yang hendak meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 iaitu perkara kerugian yang telah dialami oleh Kerajaan dan baru sekarang ini dibawa ke dalam Parlimen untuk diluluskan. Nampaknya Kementerian itu sedar bahawa inilah sebab-sebab yang merugikan Kerajaan begitu lama. Walhasil kalau kita pergi ke sana-sini hari-hari kita dapati semua jalan yang ada di seluruh Tanah Melayu ini ada tiga jenis—semuanya rosak dan dalam keadaan yang tidak begitu baik.

Jikalau kita katakan "State Road" pula, selalunya tempat-tempat yang difikirkan oleh State, tempat-tempat yang di luar bandar yang difikirkan penduduk di situ telah banyak atau jalan-jalan pergi ke daerah-daerah tetapi apabila "State Road" ini dibuka ianya juga akan diserahkan kepada Federal tetapi bukannya sahaja "State Road" kepada tempat-tempat yang difikirkan mustahak, Kerajaan Negeri pula mula bercadang hendak mengeluarkan kayu balak. Jadi inilah satu sebabnya yang jalan-jalanraya itu selalu mendapat kerosakan.

Jadi adakah dengan undang-undang yang kita luluskan hari ini memadai untuk mencegah kegunaan jalan-jalan baru. Dan apakah satu jalan untuk kita sekat atau kita

buat satu undang-undang bahawa sesiapa yang menggunakan jalanraya yang belum disiapkan itu akan didenda ataupun mereka didakwa di mahkamah? Jikalau tidak ada satu Rang Undang-undang yang begitu berkesan, saya fikir perkara ini tidak dapat dilaksanakan.

Misalnya baharu-baharu ini kita terbaca iaitu satu jalanraya yang besar boleh dikatakan highway akan dibuka daripada Kuala Kerai melalui Gua Musang dan dibawa ke Gerik tetapi jalan itu jalan yang akan ditemui oleh highway ini adalah kawasan kayu balak. Jikalau kita buat sekat kayu balak tidak dapat dikeluarkan, maka rugilah hasil Negeri dan hasil Federal. Saya hendak tahu di mana, sebab ini tidak ada alasan yang begitu lanjut berkenaan dengan kegunaan jalanraya yang belum disiapkan, a road under construction and the side tables thereof. Ini yang patut dibentangkan kerana jalan tidak siap. Tetapi yang sudah siap misalnya jalan daripada Gerik hendak pergi ke East and West Highway itu telah dibuat tetapi sekarang ini sudah digunakan oleh orang ramai, jalan ini mungkin akan rosak. Jadi yang dapat dicegah seperti menggunakan jalan baharu ini ialah jalan highway yang pergi utara ke selatan dan selatan ke utara sebab itu dapat dikawal. Jalan-jalan yang bercabang di highway ini. Jalan-jalan Negeri saya fikir susah sebab State Road pun untuk Rancangan Malaysia Keempat telahpun diperuntukkan duit yang banyak, bermillion-million ringgit dalam rancangan itu untuk membaiki dan membuat jalan-jalan baharu di kampung-kampung dan di daerah-daerah. Jikalau kita tidak kawal dan membuat peraturan yang keras maka kita akan dapat juga masalah yang kita hadapi hari ini, kita akan terima juga masalah itu kelak.

Jadi, inilah yang saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan sedikit tentang pandangan saya ini.

6.14 ptg.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia sudah bangun dahulu. Sepatutnya Yang Berhormat

bersedialah apabila Yang Berhormat itu habis bercakap tadi.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Jadi, tidak bolehlah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Dr Goh Cheng Teik: Saya mengucapkan terima kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad dan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Haji Hussein bin Mohd. Noordin atas sokongan yang diberikan kepada Rang Undang-undang ini.

Seperti yang saya jelaskan tadi, mengikut Rang Undang-undang yang diadakan sekarang pihak yang berkuasa tidaklah ada kuasa mengambil tindakan kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan khususnya lori-lori balak menggunakan jalan-jalan yang sedang siap, yang belum disiapkan. Akibat menyalahguna jalan-jalan yang belum disiapkan oleh pihak pengangkutan ialah kerugian berjuta-juta ringgit yang dialami oleh Kerajaan. Saya memang sedar bahawa perkara ini patutlah dibawa kepada Dewan yang mulia ini lebih awal seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Haji Hussein bin Mohd. Noordin. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa pegawai-pegawai yang berkenaan sudah lama mengkaji masalah ini sudah lama mencari jalan untuk mengatasi masalah ini dan akhirnya procedure yang dianggap paling sesuai ialah meminda definasi jalan untuk meluaskan definasi jalan termasuklah jalan-jalan yang sedang dibina. Oleh yang demikian, selepas definisasi baharu ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pihak yang berkuasa mempunyai kuasa mengambil tindakan yang tegas kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim kenapa naskah bahasa Malaysia Rang Undang-undang ini termasuklah beberapa perkataan bahasa Inggeris, izinkan saya menjelaskan bahawa Road Traffic Ordinance atau Rang Undang-undang Lalulintas yang diadakan sekarang masih dalam bahasa Inggeris, oleh yang

demikian kita terpaksa meminda definasi dalam bahasa Inggeris.

Berkenaan dengan perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat Senator itu walaupun terkeluar sedikit dari Rang Undang-undang ini, pegawai-pegawai sayapun telah mencatatkannya dan saya memberi jaminan bahawa kami akan memberi pertimbangan yang berat kepada syor-syor dan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.17 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1957 untuk dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan meminda Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 bagi menyatukan Jadual Pertama dan Jadual Kedua yang ada supaya menjadi satu Jadual yang boleh dipinda oleh Yang di-Pertuan Agong melalui peraturan-peraturan dari masa ke semasa.

Semasa Akta ini mula-mula diperbuat cuma terdapat satu Jadual yang menerangkan tentang saraan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya.

Mengikut Akta A 469 Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1979 Jadual itu dipecahkan menjadi dua iaitu Jadual Pertama meliputi hanya gaji dan elaun tetap dan Jadual Kedua meliputi semua elaun dan keistimewaan-keistimewaan yang lain.

Mengikut Seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 apa-apa pindaan kepada Jadual Pertama mestilah diluluskan oleh Parlimen. Berikutan dengan pengwujudan jawatan Timbalan Pengerusi menerusi Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981, Akta A 514, Jadual Pertama perlu dipinda lagi bagi memasukkan peruntukan gaji dan jawatan Timbalan Pengerusi. Cadangan pindaan sekarang ini adalah untuk menyatukan semula Jadual Pertama dan Jadual Kedua sebagai satu Jadual yang meliputi gaji dan elaun-elaun bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli. Berikutan dengan itu, Seksyen 12 juga perlu dipinda untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong meminda Jadual menerusi peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Sri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

6.23 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini

dan suka juga bercakap sedikit mengenai perkara yang berkaitan dengannya. Dengan kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab mengikut lunas-lunas demokrasi di negara kita ini, dengan tidak memihak kepada mana-mana parti politik bagi menjamin kehendak Perlembagaan serta menurut peraturan demokrasi berparlimen.

Bagi kami rakyat di negeri Sarawak sama juga seperti rakyat di negeri-negeri yang lain dalam Malaysia ini telah beberapa kali diadakan pilihanraya umum mahupun pilihanraya kecil sejak tahun 1970, pada tiap-tiap kali pilihanraya telah mengambil perhatian berat dan melawat di tempat-tempat membuang undi bagi menjamin segala tugas berjalan dengan baik mengikut undang-undang pilihanraya. Begitu juga di waktu untuk mengubah satu-satu sempadan kawasan pilihanraya baik kawasan pilihanraya Parlimen mahupun kawasan Dewan Undangan Negeri yang berkenaan, maka ahli-ahli Suruhanjaya ini juga pergi bertemu dan mendengar pendapat dan fikiran pengundi-pengundi di kawasan berkenaan sebelum memutuskan sempadan yang hendak diubah itu. Dengan cara begini maka jelaslah tugas dan tanggungjawab yang diberi oleh Kerajaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini dibuat dengan cara yang berhati-hati bagi menjamin demokrasi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin juga saya menerangkan untuk perhatian pihak yang berkenaan atas sungutan-sungutan rakyat yang berkenaan yang diam berjauhan daripada Jabatan Kerajaan misalnya seperti di rumah panjang dan pedalaman di negeri Sarawak di mana sukar bagi mereka untuk datang ke tempat-tempat mendaftar sebagai pengundi baru yang telah berumur 21 tahun ke atas, lebih-lebih lagi kaum wanita. Di masa pendaftaran pengundi baru dijalankan mereka tidak dapat datang ke pejabat-pejabat Kerajaan itu kerana jauh dan mengambil masa satu atau dua hari. Oleh keadaan yang demikian, sukacita saya mengesyorkan kepada pihak yang bertanggungjawab supaya mengambil kakitangan dan pegawai-pegawai bekerja sementara untuk pergi ke kawasan yang berjauhan daripada tempat-tempat

mendaftar pengundi baru apabila masa pendaftaran pengundi baru dijalankan pada tiap-tiap tahun. Maka dengan cara begini setiap rakyat yang mempunyai hak mengundi dapat diberi peluang untuk memilih wakil-wakil mereka dan seterusnya memilih sebuah Kerajaan yang diamanahkan bagi memerintah negara kita ini. Saya yakin pihak yang berkenaan dapat menimbangkan walaupun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan ke kawasan seperti yang saya terangkan awal tadi. Demi untuk kepentingan rakyat dan menjamin amalan demokrasi berparlimen, maka tidak ada sebab perbelanjaan yang sedikit itu boleh membebankan pihak Kerajaan yang disokong oleh rakyat. Sekian, terima kasih.

6.27 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ialah untuk mengambil bahagian sedikit sahaja di dalam pindaan Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957. Saya pada dasarnya adalah

menyokong undang-undang yang di hadapan kita sekarang ini iaitu untuk menyatukan kedua-dua Jadual Pertama dan Jadual Kedua dijadikan satu dan memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat satu peraturan daripada satu masa ke semasa.

Dalam masa pilihanraya, kita di dalam Malaysia ini telah mengalami sejarah pilihanraya yang banyak dan sehingga sekarang ini Malaysia telahpun menubuhkan beberapa peringkat Kerajaan, sama ada Kerajaan Negeri ataupun di peringkat Persekutuan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bolehlah menyambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 24hb Jun, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.